



## **CERAMAH ARIF BUDIMAN 12**

Orang Melayu  
dan Tamadun Melayu  
dalam Historiografi  
Melayu Islam  
(kurun ke-13 hingga ke-19)

*19 September 2015*



### **PROF DR TATIANA DENISOVA**

Pusat Kajian Tinggi Islam,  
Sains dan Peradaban  
(CASIS)

Universiti Teknologi Malaysia



# BIOGRAFI

**Profesor Dr Tatiana A Denisova**, merupakan seorang cendekia (*scholar*) dari Moscow, Russia. Beliau memperoleh ijazah pertama beliau di Saint Petersburg State University dan kemudiannya berjaya meraih ijazah Doktor Falsafah dalam bidang sejarah. Hal ini membawa beliau ke arah pengkajian dalam bidang sejarah Islam. Beliau bertugas sebagai Ketua Bahagian Kajian yang meneliti sumber-sumber Islam di Russian Academy of Sciences, Institute of Oriental Studies.

Dr Tatiana juga pernah bertugas sebagai pensyarah di Institute of Asian and African Studies, Moscow State University sehingga tahun 2006. Beliau juga bertugas sebagai *Visiting Researcher* di Malaysia sehingga tahun 2003 dan sebagai *Visiting Scholar* dan *Visiting Laureate* sehingga tahun 2006 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Selepas itu, beliau bertugas sebagai *Visiting Laureate* di Perpustakaan Negara, Malaysia. Beliau pernah juga bertugas sebagai Profesor Pelawat di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, di Akademi Kajian Islam, Universiti Malaya.

Kini beliau bertugas sebagai pensyarah di Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS) Universiti Teknologi Malaysia. Beliau telah menerbitkan banyak karya akademik melebihi 50 tajuk mengenai penyebaran Islam di dunia Melayu; sumber-sumber historiografi Melayu-Islam dan kajian mengenai kaedah dan pendekatan; Kesusasteraan Melayu dan lain-lain lagi.

# ORANG MELAYU DAN TAMADUN MELAYU DALAM HISTORIOGRAFI MELAYU ISLAM (KURUN KE-13 HINGGA KE-19)

*Prof Dr Tatiana Denisova*

*Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS)*

*Universiti Teknologi Malaysia*

## Abstrak

Karya-karya historiografi Melayu Islam merupakan sumber sejarah yang amat penting untuk mengkaji sejarah masyarakat Melayu pada kurun ke-13 sehingga ke-19. Karangan tersebut (Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Peringatan Sejarah Negeri Johor dan Hikayat Siak Tuhfat al-Nafis) mewakili pelbagai aliran dalam historiografi Melayu Islam yang wujud dalam pelbagai zaman dan negara. Teks-teks tersebut mengandungi banyak maklumat tentang cara kehidupan masyarakat Melayu, keadaan yang nyata dalam bidang ekonomi, kehidupan intelektual, politik, agama, adat-istiadat dan lain-lain. Analisis maklumat-maklumat tersebut membantu kita supaya memahami pandangan orang Melayu terhadap asal-usul raja-raja Melayu serta konsep kerajaan Melayu yang telah wujud pada masa itu, termasuk juga konsep kemakmuran atau kemunduran negara dan kriteria-kriteria utama dalam menilai kemakmuran atau kemunduran tersebut. Kajian teks-teks Melayu lama menunjukkan bahawa di dalamnya terdapat maklumat yang amat penting tentang sejarah penyebaran Islam di alam Melayu dan peranannya dalam pembangunan masyarakat dan negara. Analisis sumber-sumber historiografi Melayu Islam memberi gambaran yang jelas mengenai konsep patriotisme dan kesedaran kebangsaan yang muncul dan tersebar di alam Melayu sezaman kedatangan Islam. Kajian sumber-sumber historiografi Melayu (kurun ke-13 hingga ke-19) membuktikan bahawa tamadun Melayu berasaskan tamadun Islam dan merupakan sebahagian daripada tamadun Islam yang tidak boleh dipisahkan.

## PENGENALAN

Salah satu masalah global yang mempengaruhi kehidupan masyarakat di pelbagai negara masa kini adalah kekeliruan yang berkaitan dengan kesedaran kebangsaan serta kesalahfahaman mengenai isu-isu nasionalisme dan patriotisme. Sebab utama kepada kekeliruan tersebut ialah kekurangan ilmu pengetahuan mengenai sejarah kebangsaan serta penilaian yang kurang mengenai khazanah bangsa dan negara sendiri. Kekurangan ilmu ini menyebabkan penyebaran konsep-konsep yang salah mengenai asal usul bangsa sendiri serta kesalahfahaman mengenai peranannya dalam sejarah umat manusia.

Di antara *penyakit-penyakit* yang berasal daripada kekeliruan dalam bidang sejarah dan kesedaran kebangsaan terdapat pelbagai aliran sosial yang bersifat ekstrem: *fascism*, *pseudo-patriotism* (atau pseudo-nationalism), *racism*, *fanatics*, *anti-Semitism* dan juga *secularism*, *euro-centrism* serta *westernization* dan keangaan mengenai akar-akar dan asal-usul kebangsaan.

Masyarakat Melayu Islam menghadapi masalah yang sama. Supaya membebaskan diri daripada kekeliruan tersebut perlu memperolehi ilmu pengetahuan sebenar mengenai sejarah dan tamadun kebangsaan. Khazanah persuratan kebangsaan dan sumber-sumber sejarah bangsa dan negara mengandungi banyak maklumat yang amat berharga mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu. Rujukan kepada khazanah persuratan kebangsaan akan membantu kita supaya mencari jalan penyelesaian masalah-masalah tersebut dan supaya memahami macam mana wajah orang Melayu dan apakah ciri-ciri khas tamadun orang Melayu yang dirakamkan dalam teks-teks Melayu lama.

Karya-karya historiografi Melayu Islam merupakan sumber sejarah yang amat penting untuk mengkaji sejarah masyarakat Melayu pada kurun ke-13 sehingga ke-19. Karangan tersebut (*Hikayat raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, *Hikayat Siak Tuhfat al-Nafis*) mewakili pelbagai aliran dalam historiografi Melayu Islam yang wujud di dalam pelbagai zaman dan negara. Teks-teks tersebut mengandungi banyak maklumat tentang cara kehidupan masyarakat

Melayu, keadaan yang nyata dalam bidang ekonomi, kehidupan intelektual, politik, agama, adat-istiadat dan lain-lain.

## **SUMBER-SUMBER HISTORIOGRAFI UNTUK KAJIAN MENGENAI ORANG MELAYU DAN TAMADUN MELAYU**

Sebagai sumber-sumber kajian, kita memilih 6 teks sejarah yang mewakili pelbagai zaman dan arah dalam sejarah perkembangan tamadun Melayu Islam, iaitu:

1. Hikayat Raja Pasai<sup>1</sup>
2. Sejarah Melayu<sup>2</sup>
3. Hikayat Aceh<sup>3</sup>
4. Peringatan Sejarah Negri Johor<sup>4</sup>
5. Hikayat Siak<sup>5</sup>
6. Tuhfat an-Nafis<sup>6</sup>

Kajian teks-teks sejarah Melayu Islam tersebut menunjukkan bahawa di dalamnya dirakamkan banyak maklumat yang berkaitan dengan pelbagai aspek tamadun Melayu, termasuklah pandangan orang Melayu sendiri mengenai asal usulnya, sejarahnya dan ciri-ciri khas budaya mereka. Historiografi Melayu Islam merupakan cermin yang sempurna yang merefleksikan tamadun Melayu selama ratusan tahun. Ini sebabnya teks-teks sejarah tersebut adalah sumber maklumat yang terpenting untuk semua yang berminat memahami orang Melayu, termasuklah orang Melayu sendiri yang berniat ingin tahu tempat yang sebenar mereka di dalam dunia ini.

## **ORANG MELAYU DAN TAMADUN MELAYU DI DALAM TEKS-TEKS SEJARAH: SUBJEK-SUBJEK TERPILIH**

Terdapat pelbagai teori yang menjelaskan asal usul orang Melayu. Kebanyakannya merujuk kepada dapatan-dapatan *paleontology* dan *arkeologi* yang berkaitan dengan zaman prasejarah: artefak-artefak *Paleolitik* (60,000-35,000 tahun yang lalu - *Early Stone Age*), *Mezolitik* (35,000 – 10,000 tahun yang lalu - *Middle Stone Age*), *Neolitik* (10,000 – 5,000 tahun yang lalu – *New Stone Age*) atau *zaman Bronze* (2,5000 tahun yang lalu).

Para sarjana menyebutkan galian arkeologi di Lenggong (Perak), di mana ditemui tulang-tulang skeleton Lelaki Perak (11000 tahun dahulu) dan Perempuan Perak (8000 tahun dahulu), dapatan daripada galian di Gua Tambun di Perak, Gua Niah di Sarawak dan lain-lain. Berasaskan penemuan tersebut para arkeologi menerangkan bahawa budaya Melayu sudah berumur 40 ribu tahun.

Menurut pandangan Van Rongkel dan para sejarawan Barat yang lain, orang Melayu berasal dari Asia Tenggara dan tergolong ke dalam kumpulan bangsa dan bahasa *Austronesian* atau *Malayo-Polynesian*. Menurut pandangan para sarjana yang lain terdapat dua kumpulan orang Melayu: *Proto-Malays* (500 - 1500 B.C.) – *orang Asli* dan *Deutero-Malays* (300 b.c.) – *orang Melayu*. Orang Aslilah yang berasal daripada Nusantara dan orang Melayu pindah ke pada kawasan Melayu-Indonesia daripada tempat-tempat yang lain.

Para sejarawan menegaskan juga bahawa sejak Zaman Batu, masyarakat di Asia Tenggara termasuk di alam Melayu sudah mempunyai suatu tamadun tempatan yang semula jadi dan mempunyai ciri-ciri tersendiri. Antara lain ialah budaya Hoabinhian sebagaimana ditegaskan dalam kertas kerja I.C.Glover "*Late Stone Age traditions in South-East Asia*"<sup>7</sup> yang mengandungi analisis pengarang tentang hasil penggalian arkeologi di Indo-Cina, Cina Selatan dan Nusantara bertujuan memberi kefahaman mengenai penyebaran budaya Hoabinhian di Asia Tenggara. M.W.F Tweedie dalam buku "*Prehistoric Malaya*" menyatakan fakta yang menarik juga: "*Botanical evidence, based on the occurrence with wild spices, points to South-East Asia as the region of the origin of rice, and it seems likely that it was first brought into cultivation by the Neolithic people of this region and taken to China subsequently*"<sup>8</sup>. Ternyata tamadun tanaman beras, menurut pengarang, pada awalnya wujud di Asia Tenggara dan selepas itu tersebar di Cina dan tempat-tempat lain.

Pendapat tersebut menafikan prasangka bahawa kebudayaan Nusantara adalah hanya campuran pelbagai tamadun lain terutama India dan Cina dan tidak mengeluarkan apa-apa hasil yang boleh dianggap sebagai unsur tamadun sendiri, tamadun semula jadi. Kajian M.W.F Tweedie

membuktikan bahawa penduduk Asia Tenggara (termasuk alam Melayu) mempunyai peranan yang amat penting dalam perkembangan tamadun umat manusia di seluruh dunia.

Penemuan arkeologi dan pandangan-pandangan yang dirumuskan di atas memang betul: sejak zaman prasejarah Asia Tenggara (termasuk kawasan yang disebutkan sebagai alam Melayu) merupakan pusat tamadun yang amat berwibawa dan menyumbang banyak kepada tamadun dunia. Tapi apakah semua penduduk Asia Tenggara adalah orang Melayu? Apakah *Perak Man* atau *Perak women* betul-betul merupakan orang Melayu dan menganggap diri merasa sebagai sebahagian daripada bangsa Melayu? Bilakah muncul dan berkembangnya kesedaran kebangsaan orang Melayu sebagai satu bangsa?

Menurut Prof. S.M.N. al-Attas: *The name 'Malay' or 'Melayu' is delivered from the name of a people who inhabited an ancient state in Sumatra known to the Chinese as 'Mo-lo-yeou', which was situated in Jambi on the southeastern coast of Sumatra. This ancient people spoke a relatively undeveloped language which was not Malay as we know it today, but which scholars refers to as 'Old Malay' which had no written form of its own*.<sup>9</sup> Beliau menjelaskan juga bahawa orang Melayu mengakui diri mereka sebagai satu bangsa selepas kedatangan Islam dan dipengaruhi oleh tamadun Islam. Penyebaran Islam menjadi peristiwa yang paling penting dalam sejarah orang Melayu dan masyarakat Melayu. *Islamization* merupakan asas kesedaran kebangsaan orang Melayu<sup>10</sup>. Kajian sumber-sumber historiografi Melayu (kurun ke-13 sehingga kurun ke-19) membuktikan dan mengesahkan pendapat tersebut.

Teks-teks Melayu lama mengandungi banyak maklumat mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu. Kita akan fokus hanya kepada beberapa subjek yang terpilih sahaja, yang mencerminkan pelbagai ciri khas tamadun Melayu sebagai tamadun Islam:

1. Mitos mengenai asal-usul raja Melayu
2. Konsep keadilan dan konsep kerajaan Melayu
3. Konsep patriotisme dan rasa sayang kepada tanah air

Kajian sumber-sumber historiografi Melayu (kurun ke-13 hingga ke-19) membuktikan bahawa tamadun Melayu berasaskan tamadun Islam dan merupakan sebahagian daripada tamadun Islam yang tidak boleh dipisahkan.

### **MITOS MENGENAI ASAL-USUL RAJA MELAYU DALAM CERMIN HISTORIOGRAFI<sup>11</sup>**

Tidak dapat dinafikan bahawa teks-teks sejarah Melayu Islam pada kurun ke-14 hingga ke-19 mempunyai unsur-unsur mitologi. Karya sejarah dalam bentuk babad atau *chronicles* atau *annals* biasanya ditulis oleh pengarangnya atas titah sultan, yang bertujuan untuk memuji Yang Dipertuan Besar Negara atau mempromosikan kepentingan dan pandangan keluarga penaung. Oleh sebab itu, kita perlu menyemak setiap maklumat yang terdapat dalam karya-karya tersebut secara kritis dan terperinci apabila kita mengenal pasti kebenarannya. Kritikan merupakan satu bahagian yang utama dan alat yang mesti digunakan dalam setiap kajian ilmiah. Walaupun begitu, tidak boleh pula dikatakan bahawa teks-teks tersebut kurang bernilai, dan tidak boleh juga menolaknya sebagai sumber-sumber sejarah yang penting.

Mitologi adalah suatu bahagian yang penting dalam kehidupan intelektual. Mitologi mencerminkan pandangan umum, iaitu pandangan orang biasa, cara pemikiran tradisional yang biasanya tidak boleh diubah secara segera atau secara sengaja. Apabila seorang pengarang *chronicle* memasukkan suatu cerita ajaib atau mitos dalam karyanya, sudah tentu ada sesuatu maksud atau mesej yang hendak disampaikan. Tujuan dan tugas untuk memahami mesej ini merupakan sesuatu yang amat sukar dalam bidang penelitian sumber-sumber sejarah. Tetapi apabila kita memilih kaedah-kaedah yang benar, kita pasti boleh berjaya. Analisis bahan-bahan yang berbentuk mitos memberikan kesempatan untuk membina semula sejarah yang tulen, yang antara lain termasuklah memahami jalan dan cara perkembangan jiwa bangsa Melayu pada waktu itu, iaitu memahami bagaimana berlakunya perubahan pemikiran umum dalam menentukan pelbagai arah (*vector*) kebudayaan masyarakat Melayu yang dipengaruhi Islam.

Salah satu mitos yang paling penting yang mencerminkan ciri-ciri khas budaya orang Melayu ini adalah mitos tentang asal usul raja-raja Melayu.



Semua raja dan Yang Dipertuan Besar perlu mendasarkan keabsahannya, dan perlu membuktikan kepada rakyatnya bahawa dia mempunyai hak yang sah untuk menduduki takhta dan memerintah negara. Mitos tentang asal usul raja adalah suatu alat yang sangat penting bagi mempengaruhi pandangan umum untuk menjadikan ‘wajah positif’ raja dan untuk mempromosikan ‘keadilan’ dan keabsahan (*legitimacy*) kerajaannya. Apa lagi mitos tersebut mencerminkan apa yang dianggap oleh orang Melayu sebagai sifat “positif” dan apa yang dikira sebagai sifat “negatif”.

## ZAMAN PRAISLAM

Dalam bentuk yang lengkap, mitos tradisional, iaitu yang praIslam ada dirakamkan dalam *Salasilah Raja-Raja di Negeri Kutai*<sup>12</sup>. Mitos dimulai dengan cerita tentang Batara Agung Dewa Sakti, iaitu seorang anak yang ajaib, yang diturun ke bumi dari langit dalam bentuk bola emas bersinar. Keluarga angkatnya ialah punggawa dari Jaitan Layar, iaitu sebuah dusun di Kutai. Pada suatu hari petinggi dan isterinya terlihat cahaya yang menyerupai cahaya bulan purnama. Apabila mereka mendekatinya, mereka melihat beberapa makhluk ajaib yang berapi-api dalam cahaya tersebut. Makhluk-makhluk itulah yang menyerahkan bola emas tersebut kepada punggawa dan isterinya, dan di dalamnya terdapat seorang anak yang sedang beradu di atas bantal. Pada sebelah tangannya memegang telur, manakala sebelah tangan yang lain memegang keris emas. Makhluk-makhluk yang ajaib itu menyatakan kepada petinggi bahawa anak tersebut ialah anak dewa-dewi langit yang dikirimkan kepada manusia untuk menjadi raja yang adil.

Apabila Batara Agung Dewa Sakti sudah dewasa, dia bernikah dengan seorang gadis yang asalnya ajaib juga, yang bernama Puteri Karang Melenu. Dia lahir daripada buih sungai. Orang tua angkatnya adalah seorang petinggi dan isterinya (bernama Babu Jaruma) dari dusun yang lain. Kisah dalam *Salasilah Kutai*<sup>13</sup> menyebutkan bahawa:

*“maka petinggi Hulu Dusun dan Babu Jaruma pun larilah ke dalam Sungai Sediwe melarikan ombak itu terlalu keras. ... Maka lalulah mendengar suara tangis ... Serta didengarkannya baik-baik oleh lakinya, dan diawasi-awasinya di laut dan di dalam buih yang seperti gunung anak itu besarnya.*

*Maka buih itu disaput oleh awan, dan dipayungi oleh mega, maka dibelit oleh ketari dua laki bini maka teja pun membangunlah, dan angin pun bertiuplah sepoi-sepoi bahasa antara dengan tiada, dan hujan pun rintik-rintik dan bunga pun berkembang... maka dilihatnya kanak-kanak berbaring di atas egung papar itu, maka egung itu dijunjung oleh naga-naga, dijunjung oleh lembu. Maka lembu itu bertajak di atas batu itu. Bergading berbelai rupanya seperti gajah, bertaring seperti rupa macam bersirik seperti rupa kuda, tubuhnya tubuh kuda bersayap bertaji seperti rupa gurda berekor seperti rupa naga bersisik sepanjang tubuhnya itulah dinamai Lembu Suana.*

Perkahwinan Batara Agung Dewa Sakti dan Putri Karang Melenu merupakan suatu persatuan sakral, iaitu persatuan di antara langit (dan matahari) dan sungai (air). Daripada suami isteri inilah lahir seorang anak laki-laki yang diberikan nama Paduka Nira, iaitu anak matahari dan air. Kemudian dia berkahwin dengan Puteri Paduka Sura, iaitu seorang gadis yang asalnya ajaib juga. Dia keluar dari buluh betung, iaitu Puteri Paduka Sura ialah anak bumi. Mereka tinggal di atas Gunung Jaitan Layar. Gunung ini mempunyai fungsi yang sama dengan gunung Si Guntang atau Si Guntang Maha Meru, yang merupakan suatu unsur mitos tradisional yang terdapat di seluruh alam Melayu. Demikian halnya berlaku penyatuan sakral yang lengkap, yang memperlihatkan penyatuan antara tiga sfera (*sphere*) kosmik, iaitu air, matahari, dan bumi. Paduka Nira dan Putri Paduka Sura menurunkan jurai keturunan raja-raja Kutai seperti yang dinyatakan bahawa:

*“Dengan demikian hak dinasti Kutai atas tahta didasari kenyataan, bahawa cikal bakal dinasti ini merupakan pengejawatantahan unsur-unsur kosmik, iaitu matahari, air dan bumi, dan sekaligus semua tingkatan alam semesta, yaitu “dunia atas”, “dunia bawah” dan “dunia tengah”. Unsur-unsur dan dunia-dunia diikati oleh perkawinan suci, sebagai lambang kesatuan harmonis antara alam semesta dengan proyeksinya di atas bumi, iaitu lembaga kemanusiaan. ... Kesatuan dari ketiga-tiga kelompok tsb. yang semula merupakan satu komunitas utuh, itulah syarat mutlak bagi kesejahteraan mereka semuanya”<sup>14</sup>.*

Dalam *Salasilah Kutai* terdapat juga cerita tentang penyebaran Islam di Kutai. Maklumat tentang sejarah kedatangan Islam terdapat dalam semua karya

sejarah yang diselidiki. Bahan-bahan tersebut dapat dianggap sebagai ciri-ciri khas historiografi Melayu Islam yang terakam dalam semua teks. Menurut kronik Kutai, tiga generasi yang berikutnya, iaitu selepas dua anak kembar itu, seorang alim dari Makasar datang ke Kutai. Dia mulai menyebarkan Islam dan akhirnya berjaya mengislamkan raja Kutai dan rakyatnya setelah orang alim tersebut memperlihatkan keunggulannya melalui “kekuatan ilmu ghaib”. Dalam hal ini, kita perlu memperhatikan bahawa isi ceritanya yang utama bersifat Islam tetapi motivasi kedatangan Islam dan kaedah promosi dan memperkenalkan agama benar yang baharu itu masih tradisional sifatnya, iaitu keunggulan melalui ilmu sihir dan kekuatan ghaib.

Pada akhirnya Kutai menang dalam peperangan dengan Muara Kaman dan dapat mewujudkan kemakmuran. Kemenangan Kutai “ditafsir sebagai kejayaan sebuah negara pesisir Islam, yang menjadi kaya dan kuat kerana perdagangannya, dan Muara Kaman kalah kerana rajanya masih beragama Hindu dan perdagangannya undur kerana negeri itu terletak di pedalaman.”

## ZAMAN ISLAM TERAWAL

Dalam karya-karya sejarah Melayu yang mewakili historiografi Islam yang terawal, iaitu dalam *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*, kita mendapati beberapa unsur mitologi tradisional. Walaupun kronik-kronik tersebut dikarang lebih awal daripada *Salasilah Kutai*, tetapi mitos tentang asal usul raja yang terakam di dalamnya sudah tidak lengkap dengan menghilangkan komposisi yang sempurna. Terdapat hanya beberapa unsur daripada mitos yang terdahulu dan isinya lebih sederhana dan lebih kasar. Dalam *Hikayat Raja Pasai*, bahagian pertama daripada mitos yang tradisional itu sudah hilang, iaitu hilangnya maklumat-maklumat yang berkaitan dengan teogoni (*theogony*).

*Hikayat Raja Pasai* (HRP)<sup>15</sup> bermula dengan cerita tentang dua bersaudara yang mahu membentuk negeri masing-masing. Dalam peristiwa ini, kita mendapati suatu unsur mitos tentang anak kembar, tetapi dalam HRP mereka sudah pun mempunyai nama-nama Islam, iaitu Raja Ahmad dan Raja Muhammad, seperti petikan yang berikut:

*“Maka ada raja dua bersaudara seorang namanya Raja Ahmad dan seorang namanya Raja Muhammad. Adapun yang tua Raja Ahmad. Maka baginda kedua bersaudara itu hendak berbuat negeri di Samarlanga” (HRP, 2 (3))*

*“Raja Muhammad... menebas rimba. Maka ada di tengah rimba itu serumpun betung terlalu amat tebalnya betung itu... Maka dilihat oleh Raja Muhammad pada sama tengah betung itu ada rebungnya seperti badan besarnya, maka hendak diparang oleh Raja Muhammad rebung itu, maka keluar seorang kanak-kanak perempuan terlalu sekali baik parasnya, maka dibuangkanlah gedubangnya, lalu segera diambilnya kanak-kanak itu, maka didukungnya lalu dibawanya kembali ke rumahnya... Maka dinamai oleh baginda Puteri Betung (HRP, 3-4 (3-4) )*

*“Raja Ahmad pergi berburu ke dalam rimba... maka pada saat itu juga datanglah seekor gajah terlalu besar. Maka ada seorang kanak-kanak duduk di atas kepalanya. Maka dimandikannya ia ke sungai. Setelah sudah dimandikannya, maka dihantarkannya pula ke tebing sungai... Syahdan maka datanglah kepada hari Jumaat... Maka segera Raja Ahmad mengambil kanak-kanak itu maka lalu dibawanya dengan segeranya berjalan... Maka terlalulah amat sukacita Raja Ahmad dengan tuan puteri sebab melihat rupa kanak-kanak itu terlalu amat baik parasnya. Maka dinamainya Merah Gajah...” (HRP 5-10(5-6))*

Oleh itu, timbul dua orang anak yang ajaib kejadiannya: Puteri Betung - “anak tanah”, dan Merah Gajah - “anak air”. Cerita tentang anak-anak ajaib tersebut dan kehidupannya adalah sangat ringkas dan tidak lengkap. Terdapat juga maklumat tentang perkahwinan “anak tanah” dengan “anak air”, iaitu: “Maka didudukkannya Merah Gajah dengan Puteri Betung” (HRP, 10 (7) ). Tetapi perkahwinan tersebut sudah tidak dianggap sebagai suatu acara kosmik, iaitu suatu lambang kesatuan harmonis antara unsur alam semesta seperti tanah, air, dan matahari. Orang-orang tua yang asalnya ajaib hilang secara cepat dan anak-anaknya, iaitu Merah Silu dan Merah Hasum (suatu peringatan mengenai mitos anak-anak kembar juga) digambarkan dalam teks tanpa keajaiban, sebagai orang biasa saja, walaupun Merah Silu memang mempunyai suatu kuasa yang ghaib. Unsur “sungai sakti” tersimpan di sini hanya dalam maklumat mengenai gelang-gelang emas. Tetapi kekayaan itu

dianggap oleh Merah silu sudah sebagai karunia Allah SWT. “Gunung sakti” (Gunung Maha meru atau Gunung Jaitan Layar) timbul di sini hanya sebagai “tempat tanah tinggi”, di mana Merah Silu mendirikan negeri Samudra.

Bahan-bahan yang paling penting dari segi asal usul raja-raja dan yang menjadi bukti utama untuk mendasarkan hak yang sah kerajaannya ialah maklumat-maklumat mengenai sejarah kemasukan Islam oleh Merah Silu dan semua rakyat Samudra Pasai. Dalam teks HRP terdapat:

*24(13) Sekali persetua pada zaman Nabi Muhammad Rasulullah SAW tatkala lagi hayat hadirat yang maha mulia itu, maka bersabda ia kepada sahabat baginda di Makkah, demikian sabda baginda “Bahawa ada sepeninggalku wafat itu, ada sebuah negeri di bawah angin, Samudera namanya; apabila ada didengar khabar negeri itu maka kamu suruh sebuah kapal membawa perkakas alat kerajaan dan kamu bawa ia orang dalam negeri itu masuk agama Islam serta mengucap dua kalimat syahadat. Syahdan lagi akan dijadikan Allah SWT dalam negeri itu terbanyak daripada segala wali Allah jadi dalam negeri itu. Adapun pertama ada seorang fakir di negeri Mengiri namanya ia itulah kamu bawa serta kamu ke negeri Samudera itu.*

*24-27(14-15) Hatta maka beberapa lamanya kemudian daripada hadirat Nabi SAW wafat, maka terdengarlah khabarnya kepada syarif yang di Makkah ada suatu negeri di bawah angin bernama Samudera, maka oleh Khalifah Syarif, maka ia menyuruh sebuah kapal akan membawa segala perkakas alat kerajaan ke negeri Samudera. Setelah sudah kapal itu lengkap maka disuruh Syarif Syeih Ismail itu singgah ke negeri Mengiri. Setelah sudah maka Syeih Ismail pun naik ia ke kapal maka lalu ia berlayar.*

*... Adapun raja dalam negeri itu Sultan Muhammad namanya.*

*... Adapun Sultan Muhammad itu daripada anak cucu hadrat Abu Bakar bin Siddik radiallahu'anhu. Maka sultan menyuruh hantarkan segala makan-makanan dan segala nikmat akan Syeih Ismail.*

*... Maka sultan pun merajakan seorang anaknya yang tua di negeri Mengiri itu akan gantinya kerajaan. Maka baginda dua beranak dengan anaknya yang muda memakai pakaian fakir meninggalkan kerajaannya, turun dari istana lalu naik kapal itu. Katanya pada orang kapal itu, “Kamu bawa hamba ke negeri Samudera”.*

29(16) *Hatta berapa lamanya maka kapal Syeikh Ismail pun sampai ke Teluk Terli, maka kapal itu pun berlabuh. Maka fakir itu pun naik ke darat. Maka ia bertemu dengan seorang orang menjala ikan. Maka kata fakir itu “Apa nama negeri itu?” Maka sahutnya orang itu: “Ada pun nama negeri ini Samudera”*

31(16) *Maka disuruh oleh Syeikh Ismail himpulkan segala hulubalang dan segala rakyat besar kecil dan tua muda laki-laki perempuan... Maka diajari oleh Syeikh Ismail mengucap syahadat akan mereka itu sekalian. Maka segala mereka itu relalah ia mengucap dua kalimah shahadat dengan tulus ikhlas yakin hatinya. Sebab itulah dinamai Samudera itu Negeri Darussalam karena tiada sekaliannya orang itu dengan digagahi dan dengan tiada dimusakatkannya dan tiada dengan diperlelahkannya pada mengerjakan kerja masuk agama Islam.*

Cerita tentang sejarah kemasukan Islam ke Samudra Pasai tersebut diteruskan dengan maklumat mengenai suatu mimpi Merah Silu, iaitu mimpi yang ajaib. Merah Silu dimasuki Islam dan di ajar kalimah syahadah oleh Nabi Muhammad SAW:

28-29(15) *Sebermula maka bermimpi Merah Silu dilihatnya dalam mimpinya itu ada seorang menampung dagunya dengan segala jarinya dan matanya pun ditutupnya dengan empat jarinya, demikian katanya: “Hai Merah Silu, ucap olehmu dua kalimat syahadat” Maka sahut Merah Silu: “Tiada hamba tahu mengucap akan dia”. Maka ujarinya: Bukakan mulutmu”. Maka dibukakannya oleh Merah Silu, maka diludahinya mulut Merah Silu itu, rasanya lemak manis. Maka ujarinya akan Merah Silu “Hai Merah Silu, engkaulah Sultan Malikul Saleh namamu, sekarang Islamlah engkau dengan mengucap dua kalimah syahadat itu, dan segala binatang yang hidup lagi halal engkau sembelih maka kau makan, dan yang tiada disembelih jangan engkau makan. Sebermula dalam empat puluh hari lagi ada sebuah kapal datang dari Makkah, barang segala katanya dan barang segala perbuatannya yang berpatutan dengan segala pekerjaan agama Islam orang yang dalam kapal itu janganlah engkau lalui, dan hendaklah engkau turut barang pengajarnya”. Maka ujar Merah Silu “Siapakah tuan hamba ini?” Maka sahut suara dalam mimpi itu “Akulah Nabi Muhammad Rasulullah (SAW) yang di Makkah itu. Maka ditanggalkannya tangannya*

daripada dagunya itu. Maka sabda rasulullah SAW akan Merah Silu itu “Tunduklah engkau ke bawah”. Maka tunduklah Merah Silu ke bawah serta jaga ia daripada tidurnya, maka dilihatnya yang di bawah sucilah. Maka katanya “Asyhadu an la ilaha illa’llah wahdahu, la syarika lahu, wa asyhadu anna Muhammadan ‘abduhu wa-rasuluhu”. Maka setelah sudah ia mengucap dua kalimah itu, maka ia membaca Qur’an tiga puluh juz khatam dengan hafalnya, ia tiada dipelajarinya lagi pada seorang jua pun. Maka ujar orang banyak dan segala hulubalang akan Merah Silu itu. “Adapun raja kita ini keluar katanya itu tiada kita tahu akan barang katanya itu.”

Demikianlah raja yang pertama memeluk Islam. Bagindalah menjadi pendiri keturunan raja-raja yang baru, dan baginda juga yang menerima Islam melalui mimpinya daripada Nabi sendiri. Hal tersebutlah dianggap oleh pengarang dan para pembacanya sebagai dasar yang utama untuk membuktikan bahawa Malik al-Saleh yang mempunyai hak yang sah untuk memerintah negeri Samudra Pasai itu dengan adil.

Dalam *Sejarah Melayu* (SM) terdapat juga beberapa cerita mengenai asal usul raja-raja Melayu. Maklumat-maklumat tersebut dapat dianggap sebagai langkah baru dalam perkembangan mitodologi Melayu yang dipengaruhi oleh Islam. Ini bermakna sudah timbul suatu konsep yang baru. Kesatuan sakral antara unsur-unsur kosmik, iaitu matahari, air dan bumi sebagai dasar legitimasi kerajaan sudah tidak bermakna lagi, demikian juga tentang asal usul raja daripada keturunan dewa-dewi tradisional. Yang Dipertuan Besar Melaka di negara yang menjadi pusat penyebaran Islam, yang mengetuai kehidupan intelektual dan aktiviti ekonomi di seluruh kawasan alam Melayu itu memerlukan *nenek moyang* yang agung dan yang lebih penting adalah dari segi tamadun Islam yang lebih sesuai dengan tujuan-tujuan raja-raja Melaka dan situasi sejarah yang baru. Dan mereka mendapat (memilih) “*nenek moyang agung*” yang baru itu. Raja Iskandar Zulkarnainlah yang menjadi pendiri wangsa (dinasti) raja-raja Melaka.

Pilihan tersebut bukanlah secara kebetulan. Melalui analisis yang diusahakan, alasan dan sebab-sebab mengapa berlakunya demikian itu akan terjawab. Raja Iskandar Zulkarnain adalah salah satu pahlawan fi sabil Allah yang paling adil dan berani, yang terkenal di seluruh, terutama

dalam alam Islam. Menurut al-Qur'an, fungsi Iskandar Zulkarnain yang utama adalah antara lain menyebarkan Islam, melindungi orang Muslim daripada orang jahat dan orang kafir, dan menghukum manusia secara adil. Fungsi-fungsi tersebut sangat sesuai dan sangat mirip dengan tujuan dan fungsi kerajaan Melaka dan raja-rajanya. Menurut konsep keadilan yang dirakamkan dalam SM, sultan yang dianggap "raja adil" wajib menyebarkan dan mengukuhkan Islam, menjaga negerinya dengan baik dan melindungi rakyat, menyaksikan dan menghukum rakyat dengan adil.

Pada kurun ke-15 hingga ke-16, kerajaan Melaka dan negara-negara Islam lain yang baru muncul di alam Melayu terpaksa menentang negara-negara yang bukan Islam yang sangat kuat dan besar seperti Majapahit, Siam dan lain-lain. Raja-raja Melaka berperang untuk melindungi negaranya dan memperkukuh kerajaannya. Dalam situasi yang begitulah pendiri dinasti yang baru, dinasti sultan-sultan Melaka perlu bersifat berani, adil dan bijaksana. Iskandar Zulkarnain amat sesuai dengan semua matlamat dan fungsi tersebut. Atas dasar teladan itu raja-raja Melaka berusaha menjadi pemimpin di semua kawasan alam Melayu pada waktu itu dan mengawal kehidupan intelektual, kegiatan politik dan ekonomi.

Maklumat tentang Islam yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* adalah lebih lengkap dan terperinci. Antaranya, termasuk juga maklumat-maklumat yang quasi-sejarah (halehwal mengenai sejarah kedatangan Islam ke alam Melayu, tentang mimpi-mimpi ajaib dll.). Walaupun dalam *Sejarah Melayu* masih ada banyak bahan mitologi yang bukan Islam, dan berlaku sebelum Islam, tetapi maklumat-maklumat tentang Islam menjadi lebih luas dan kandungannya lebih realis dan terperinci. Disebutkan juga nama para ilmuwan yang wujud pada waktu itu dan juga tajuk-tajuk karya Islam terkenal yang telah pun tersebar di alam Melayu pada kurun ke-15 hingga ke-16.

## **HISTORIOGRAFI ISLAM KURUN KE-16 HINGGA KE-17**

Dalam *Hikayat Acheh* terdapat unsur-unsur mitos yang sama, iaitu mitos tradisional (yang sebelum Islam) dan mitos baru (yang dipengaruhi oleh Islam). Antara bahan tradisional yang perlu disebutkan ialah: 1. cerita tentang anak-anak kembar - Raja Syah Muhammad dan Raja Syah



Mahmud yang menjumpai dan mengahwini dua orang bidadari.; 2. cerita mengenai perkahwinan suci, yang bererti kesatuan kosmik. Unsur-unsur mitos tradisional itu terdapat dalam *Hikayat Aceh* dalam bentuknya yang lebih lengkap daripada yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*. Walaupun begitu, dalam cerita-cerita tersebut memang ada ciri-ciri khas tamadun yang baru, iaitu tradisi Islam. Misalnya, disebutkan nama Allah SWT, terdapat rujukan kepada takdir Allah SWT, terdapat istilah-istilah dan nama-nama Islam, peristiwa-peristiwa yang terpenting terjadi pada hari Jumaat, anak-anak kembar daripada keturunan Iskandar Zulkarnain.

*Hikayat Aceh* melanjutkan konsep asal usul raja-raja Melayu yang baru, seperti yang dirumuskan dalam *Sejarah Melayu*. Raja Iskandar Zulkarnain dianggap sebagai pendiri wangsa dan moyang raja-raja Aceh, iaitu “*Seri Sultan Perkasa Alam Johan berdaulat itu daripada ... nasab dan bangsa Raja Iskandar Zulkarnain*” (HA 14(8))

Analisis teks-teks sejarah Melayu Islam yang dikarang pada kurun ke-16 hingga ke-17 menunjukkan dengan jelas bahawa unsur-unsur mitologi yang ada itu mempunyai beberapa ciri yang umum sifatnya. Konsep asal usul raja-raja Melayu telah berubah apabila dipengaruhi oleh Islam. Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tradisi sebelum Islam mulai hilang sedikit demi sedikit dan digantikan dengan unsur-unsur mitologi Islam.

## **HISTORIOGRAFI JOHOR KURUN KE-18 HINGGA KE-19**

Karya-karya sejarah negeri Johor yang dikarang pada kurun ke-18 hingga ke-19 dalam bahasa Melayu Jawi mengemukakan peringkat seterusnya dalam proses transformasi mitos asal usul raja-raja Melayu yang dipengaruhi Islam. Historiografi Johor menggambarkan tahap baru dalam pemahaman Islam menurut pandangan umum masyarakat Melayu. Historiografi Johor meliputi tiga arah penulisan sejarah, iaitu tradisi Melayu Johor, tradisi Siak-Minangkabau Johor, dan tradisi Bugis Johor. Setiap satunya mempromosikan kepentingan keluarga masing-masing dan mengisahkan peristiwa-peristiwa sejarah Johor dari sudut pandangan patron-patronnya.

Kronik yang lebih serupa dengan historiografi kurun 13-17 (iaitu dengan Sejarah Melayu dan Hikayat Aceh) dari segi unsur-unsur mitologinya ialah “Hikayat Siak” Teks sejarah tersebut mewakili tradisi Siak-Minangkabau Johor. Kelompok bangsawan Siak-Minangkabau yang dikepalai oleh Raja Kecil (1700 – 1746) digambarkannya di dalamnya sebagai orang-orang yang mengikut dan melindungi “tamadun” tradisional, iaitu tradisi kerajaan Melaka, yang dianggap oleh pengarangnya sebagai “zaman emas” dalam sejarah alam Melayu. Yang paling menarik di sini: apa yang dianggap sebagai “tamadun tradisional” oleh pengarang “Hikayat Siak” itu, ini adalah tradisi Melaka, tradisi yang memang berkaitan dengan Islam. Ternyata pada waktu Johor (kurun 18-19), tamadun Islamlah yang sudah menjadi “tradisional” menurut pandangan awam masyarakat Melayu itu. Hal tersebut dicerminkan dalam teks “Hikayat Siak”. Sudah tidak ada di dalamnya maklumat-maklumat mengenai mitos “kanak-kanak kembar” dan “perkawinan suci”. Unsur-unsur mitos asal-usul raja Melayu yang sebelum Islam sudah hilang. “Hikayat Siak” dikarang dalam bentuk “versi sambungan” (*local recension*) “Sejarah Melayu” itu yang berandung dengan peristiwa-peristiwa sejarah Johor dan Siak. Karena itupun asal usul Raja Kecil jugalah diturunkannya daripada Iskandar Zulkarnain:

*“... engkau asal putera saudaraku di Johor, salasilah daripada Sultan Iskandar Zulkarnain, nenek, nasab Nusirwan Adil, pancar nabi Allah Sulaiman alaihi wassalam ...” (HS 423(122))<sup>6</sup>*

Unsur unsur “keajaiban” yang lebih serupa dengan mitos tradisional terdapat hanya dalam cerita mengenai penghamilan Raja Kecil:

*“Akan baginda [Sultan Mahmud Syah, 1685 – 1699, sultan Melaka yang terakhir] tiada boleh beristeri kerana berbini akan peri. Tiada diperduli akan kerajaan, pulang kepada Bendahara memegang perintah negeri. Akan baginda itu, gila dengan bini peri itu. Dan jika baginda melihat perempuan yang baik rupanya, datanglah benci sahaja sebab peri itu dekat baginda. Dan akan segala orang besar-besar, baginda tiada perduli” (HS 403(107))*

*“... kepada masa itu, bini peri itu sudah pergi, diketahuinyalah akan baginda itu mati. Dan kepada dinihari, baginda datang berahi, maka terpancarlah mahnikam itu ke tikar. Dan baginda bertitah: “Hai Apung [Encik Apung*

*anak laksmana mak Raja Kecil], jikalau engkau hendak berputera dengan kita, telanlah olehmu, dan kandunglah rahasiaku, supaya adalah benih Raja Iskandar Zulkarnain di dalam tanah Melayu ini, jangan putus nasabku” Maka segera diambillah oleh Encik Apung itu akan kahanikam itu, lalu ditelannya. Dengan Taqdir Allah Ta’ala berlaku kepada hambanya, dengan seketika, Encik apung pun hamil” (HS, 408(111-112))*

Ada juga versi yang lain yang menggambarkan peristiwa tersebut sebab: *“Adalah setengah sejarah mengatakan tatkala baginda mangkat zakar baginda itu terdiri maka tiada berani orang menanam baginda. Maka musyawarahlah segala orang besar-besarnya, sebab pekerjaan itu sangat ajaib. Maka kata daripada isi istana, “Adalah baginda tengah berahikan Encik Pong itu maka baginda pun mangkat”. Maka takbir segala orang besar-besar itu baginda takut tiada meninggalkan anak cucunya yang bangsa daripadanya. Maka disuruh orang besar-besar akan Encik Pong itu setubuh dengan baginda itu konon pada ketika itu. Maka apabila selesai baharulah rebah konon zakar baginda itu. Maka Encik Pong pun buntinglah konon”. (TN 17.18) <sup>17</sup>*

Menurut konsep asal usul raja yang dirumuskan di sini, perkawinan dengan “peri” (serupa anak utara) sudah tidak dianggap lagi sebagai hal-ehwal positif. Sultan Mahmud menolak kewajibannya dan tidak melahirkan pewarisnya malah tidak memperhatikan negerinya. Dan terbalik, Encik Apung - wanita yang biasalah yang membantu Sultan Mahmud menerima anak dan melanjutkan keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Asal usul dari keturunan Iskandar Zulkarnain adalah alasan yang terutama untuk Raja Kecil itu yang mengaku diri sebagai raja yang berhak menuntut tahta Johor.

Dalam *Tuhfat an-Nafis* - iaitu dalam teks sejarah yang mewakili tradisi Bugis Johor, kita mendapat suatu peringkat yang baru dalam proses perkembangan pemandangan awam masyarakat Melayu dipengaruhi oleh Islam. Dalam karya Raja Ali Haji tersebut masih ada unsur-unsur mitologi, tetapi kebanyakannya berkaitan dengan tamadun Islam. Mitos-mitos tentang kanak-kanak kembar malah tentang perkahwinan suci sudah tidak ada. Unsur-unsur tamadun yang sebelum Islam terdapat dalam beberapa maklumat, misalnya mengenai besi kawi, hantu, mimpi ajaib dll.

Di antara maklumat yang berkaitan dengan mitologi Islam kita menemui beberapa bahan yang sudah disebutkan dalam teks-teks sejarah kurun 13-17, iaitu mengenai asal usul Raja Kecil, mengenai ikan todak, mengenai mimpi ajaib tentang Nabi Muhammad, mengenai Sultan Mahmud dan peri dll. Kalau dibandingkan dengan teks-teks yang lain (Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Siak), cerita yang dirakamkan *Tuhfat an-Nafis* isinya dan gaya bahasanya lebih ringkas. Dalam maklumat tentang sejarah masuknya Islam oleh raja-raja Melayu sudah tidak ada unsur-unsur keajaiban, misalnya:

*“Syahdan adalah Opu La Maddusilat inilah awal raja Bugis yang mula-mula masuk agama Islam yang beriman Nabi kita Muhammad SAW” . (TN 23(26)).*

Walaupun begitu cerita tentang sejarah masuknya Islam oleh raja-raja Melayu masih sangat bermakna untuk Raja Ali Haji. Dalam “*Tuhfat an-Nafis*” terdapat konsep asal usul raja-raja yang baru. Sebagai pendiri dinasti raja-raja Bugis disebutkan Nabi Suleiman dan Puteri Balkis:

*“Adalah Sitti Mallangkik itu (raja perempuan Luwuk) pada setengah kaul orang Bugis keturunan daripada Puteri Balkis konon. Di dalam pada itu Allah SWT yang terlebih tahu akan hakikat al-umur kulliha, karena Balkis itu di negeri Saba pihak negeri tanah Yamani, anak raja jin jadi isteri Nabi Allah Sulaiman ‘alaihiassalam. Maka berjauh-jauhan benarlah dengan Bugis, entahkan sahkah entahkan tidak kaul perkataan setengah orang Bugis itu, entahkan tidak, Akkah SWT yang terlebih tahu. Akan tetapi Puteri Balkis itu beranak laki-laki dan perempuan dengan nabi Allah Sulaiman, berapa banyak turun-menurun, kerana tiada makna yang meneguhkan kepada akal yang tiada boleh sampai anak cucu Nabi Allah Suleiman itu ke Bugis, karena pekerjaan itu harus lulus kepada akal seperti kebanyakan tuan-tuan seyid Arab yang turun ke bawah angin ini, bertaburan segenap negeri di bawah angin ini, meninggalkan beberapa anak cucunya. maka apabila lulus dan sah anak cucu Rasullullah SAW itu, sampai ke bawah angin seperti meninggali anak cucunya beberapa banyak di bawah angin ini. Demikian itu jua lah cucu Nabi Allah Suleiman ‘alaihiassalam jatuh ke tanah Bugis itu. Fa al-hasil tiap-tiap pekerjaan yang tiada kita dapat akan hakikatnya janganlah kita dustakan, hendaklah kita taslimkan kerana dalilnya berdiri. (TN 21-22(24-25))*

Menurut pendapat saya sebabnya kemunculan legenda yang baru ini ialah sebab:

(a) keluarga Yang Dipertuan Muda Bugis mencapai kekuasaan yang sepenuhnya di dalam negeri Johor, kuasa yang lebih luas dan nyata daripada kuasa sultan Johor. Walaupun begitu raja-raja Bugis perlu membuktikan haknya dan *'legitimacy'*nya kepada semua isi negaranya, terutama kepada para bangsawan Melayu dan Minangkabau-Siak, yang mengaku diri sebagai pewaris-pewaris raja-raja Melaka dari keturunan Iskandar Zulkarnain. Tetapi orang Bugis (lima saudara Opu) datang ke tanah Barat, iaitu ke negeri Johor hanya pada kurun ke-17. Kerana itupun mereka tidak sempat mendasarkan haknya untuk merajakan di Johor atas dasar keturunannya. Salasilahnya tidak begitu terkenal dan bermakna untuk orang tempatan. Raja-raja Bugis memerlukan mencari suatu alasan yang lain sebagai bukti *legitimacynya*. Dan para intelektual Bugis mendapat keputusan yang terbaik! Mereka mengumumkan, bahawa Yang Dipertuan Muda Bugis panggilannya, tugas kerajaannya yang terutama adalah membuat di Johor suatu “negara Islam yang mutlak, yang tulen”.

(b) tetapi Islam di kawasan Melayu Johor tersebar sudah lama sebelum orang Bugis datang ke Johor. Kerena itu pun untuk mempersembahkan diri sebagai “pembela Islam yang tulen” raja-raja Bugis memerlukan silsilah yang lebih bermakna daripada konsep keturunan dari Iskandar Zulkarnain. Dan Nabi Suleiman sebagai Moyang dan pendiri keturunan yang baru memang adalah pilihan yang paling layak.

Menurut al-Quran Nabi Suleiman dianugerahi oleh Allah SWT dengan berbagai-bagai sifat-sifat yang istimewa: Nabi Suleiman adalah “Pencipta” (*creator*), dialah yang membikin negara yang impian. Dia menyebarkan iman yang tulen dengan mempergunakan kebijaksanaannya, bukan dengan senjata. Nabi Suleiman tidak melanggar negara Saba’, tetapi dia “menaklukkan” (menawan hati) Ratu Balkis dengan kearifannya.

Watak tersebut paling sesuai dengan tugas-tugas raja-raja Bugis yang mengaku diri sebagai pengasas negara Islam yang tulen. Menurut Tuhfat an-Nafis mereka “menaklukkan” Johor dan negara-negara Melayu yang lain

tanpa senjata, tetapi melalui perkahwinannya dengan anak-anak perempuan raja-raja Johor (*matrimonial policy*), ya'ni menawan hatinya seperti Nabi Suleiman. Mereka membangun banyak masjid-masjid dan bandar-bandar yang baru, mereka berkembang dan menjaga kerajaannya untuk mencapai kemakmuran untuk semua isi negaranya. Mereka menuntut agama dan ilmu, mendirikan berbagai-bagai pusat pelajaran Islam, menyokong para ulama dan menyebarkan ilmu usuladdin.

Dalam cerita mengenai asal usul raja-raja Bugis tidak ada unsur-unsur “keajaiban”: tidak ada peri, mahu pun juga jin atau makhluk-makhluk yang lain. Anak-anak dari keluarga raja-raja Bugis lahir sebagai manusia biasa dan tidak mempunyai “kuasa ghaib”. Dan terbalik, Raja Kecil, pesaing raja-raja Bugis yang terutama, digambarkan dalam Hikayat Siak sebagai orang yang bersifat ajaib dan cerita mengenai lahirnya adalah luar biasa juga. Kaitan dengan alam ghaib dan sifat-sifat keajaiban dianggap oleh pengarang sebagai bukti asal usul raja kecil itu dari keturunan raja-raja Melaka dan Iskandar Zulkarnain. Dalam Tuhfat an-Nafis “keajaiban” Raja Kecil itu dianggap sebagai faktor negatif: sebagai tanda pertalian dengan alam jahat, alam kabur, alam iblis. Tetapi pada akhirnya pahlawan-pahlawan Bugis mengalahkan Raja kecil dan semua pengikut-pengikutnya. Dan kemenangan tersebut dikadarkan oleh Allah SWT, kerana raja-raja Bugis itu dari keturunan Nabi Suleiman. Dan Nabi Suleiman itu berkuasa “menundukkan setan-setan”.

Beginilah Raja Ali Haji merumuskan konsep asal usul raja-raja yang baru. Konsep tersebut sesuai dengan konsep kerajaan yang baru yang terdapat dalam Tuhfat an-Nafis. Sebagai panggilan dan tugas yang terutama untuk Yang Dipertuan Muda Bugis disebutkan tujuannya pembinaan negara Islam yang tulen. Tujuan tersebut mendasarkan *legitimacy* kerajaan keluarga Bugis di Johor.

Dalam mitos yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah tersebut terjadi transformasi yang penting dipengaruhi oleh Islam. Unsur-unsur mitologi tradisional (cerita mengenai kanak-kanak kembar, perkahwinan suci, anak dewa-dewi dll.) hilang berdikit-dikit dan berganti dengan maklumat yang berkaitan dengan tamadun Islam. Timbul banyak definisi dan pelakon dari kebudayaan Arab, Parsi, India, Macedonia, Turki dll. Ternyata alam Melayu

menjadi lebih terbuka dan hubungan intelektualnya - lebih luas.

Moyang Agung atau pendiri dinasti pilihannya sesuai dengan tujuan, tugas dan masalah-masalah yang nyata yang terpaksa menyelesaikan pemimpin (raja, sultan, Yang dipertuan) untuk mengukuhkan kekuasaannya dan mencapai kemakmuran dalam negerinya. Misalnya: Melaka - penyebaran Islam dan pertahanan negara - Iskandar Zhulkarnain; Johor - pembangunan negara Islam yang tulen - Nabi Suleiman.

Hasil-hasil kajian dan semua kesimpulan yang sudah dirumuskan mencerminkan dan membuktikan secara jelas, bahawa masyarakat Melayu pada kurun ke-13-19 menerima Islam secara sepenuhnya. Islam mempengaruhi dan memajukan semua bidang-bidang kehidupan intelektual, termasuk juga ilmu dan falsafah. Definisi-definisi inilah yang berdikit-dikit mengantikan mitos-mitos dalam kesedaran sosial.

Perubahan tersebut berpunca pada proses *Islamization* yang terdapat dalam pandangan awam dan kehidupan intelektual di masyarakat Melayu. Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas menyatakan secara betul: *“Islamization is the liberation of man first from magical, mythological, animistic, national-cultural tradition opposed to Islam, and then from secular control over his reason and his language. The men of Islam is he whose reason and language are no longer controlled by magic, mythology, animism, his own national and cultural traditions opposed to Islam...”*<sup>18</sup>.

Analisis teks-teks sejarah lama menunjukkan juga bahawa orang Melayu menganggap diri sebagai rakyat yang dipimpin oleh raja-raja (pemimpin, *leader*) yang berketurunan daripada tokoh-tokoh Islam (pahlawan dan nabi-nabi) dan yang berasal daripada pusat Islam asli iaitu daripada Tanah Arab (bukan daripada India, Iran atau China).

### **KONSEP KEADILAN DAN KERAJAAN MELAYU<sup>19</sup>**

Salah satu ciri khas yang mencermikan budaya kebangsaan adalah kefahaman rakyat mengenai *keadilan* dan konsep *kerajaan yang adil*. Konsep-konsep ini mempunyai hubungan yang sangat erat. Maklumat

tentang kerajaan yang adil selalunya mengemukakan keterangan mengenai ciri-ciri keadilan dan cara-cara memerintahkan negara dengan adil atau sebaliknya ciri-ciri khas kerajaan yang tidak adil. Setiap sebutan tentang dosa, nafsu, perbuatan yang jahat atau baginda yang tidak adil biasanya disambungkan dengan cerita mengenai pembalasan yang sewajarnya yang dilaksanakan oleh Allah SWT terhadap orang atau negeri yang salah itu serta dengan amaran terhadap hawa nafsu. Konsep-konsep tersebut adalah amat penting dan terdapat di semua karya-karya sejarah.

Kajian teks-teks sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19 menunjukkan bahawa di dalamnya terdapat banyak istilah-istilah dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan falsafah. Walaupun setiap teks mempunyai ciri-ciri khasnya, di dalamnya terdapat juga suatu ulang tetap yang umum dari sudut isi maklumat-maklumat tersebut serta dari sudut gaya bahasanya dan subjek-subjeknya.

Dalam *Hikayat Raja Pasai* terdapat berbagai maklumat-maklumat mengenai *raja yang adil*. Kebanyakan adalah dalam bentuk wasiat, atau nasihat-nasihat peringatan yang memberi sultan yang tua kepada para pewarisnya, misalnya:

*“Hai cucuku kedua, ketahuilah oleh kamu kedua, karna aku ini sakit sangat, rasanya hampirlah hukum Allah Taala akan daku berpindah daripada negeri yang fana’ ke negeri yang baqa itu. Adapun peninggalku ini baik-baik kamu kedua memelihara pekerjaan al-amr bi’l-ma’ruf wa l-nahu ‘an il-munkar<sup>20</sup>. Sebermula jangan kamu banyak tamak akan harta dunia, karna dunia ini tempat segala yang maghrur dan jangan sangat kamu ingin akan segala yang tiada memberi manfaat akan kamu di akhirat, dan jangan kamu tiada muafakat dua bersaudara daripada segala pekerjaan kamu; jangan sekali-kali bersalahan antara kamu kedua bersaudara, supaya dikararkan Allah Taala engkau kedua dalam kerajaan dan supaya diperkenankan Allah segala pinta kamu daripada segala yang kebajikan dan jangan kamu melalui seperti barang yang dititahkan Allah akan kamu dan jangan kamu taksir pada mengerjakan pekerjaan yang kebajikan dan meninggalkan pekerjaan yang kejahatan dan menyuruhkan segala orang berbuat kebajikan dan melarangkan segala orang berbuat kejahatan serta*



*adil kamu kedua bersaudara akan segala rakyat kamu itu. Huba-hubaya jangan tiada engkau turut wasiatku ini, cucuku kedua” (HRP 50-51(25)).*

Teks *Hikayat Aceh* dikarang dalam bentuk *panegyric*, iaitu puji-pujian terhadap Sultan Iskandar Muda - Yang Dipertuan Besar Aceh Darussalam. Di dalamnya terdapat banyak maklumat tentang raja yang adil. Misalnya:

*“ Raja Mansur Syah... terlalu baik perkasa lagi perkasya lagi budiman dan bijaksana (HA 78(34))*

*“Maka sabda Syah Alam “Cucuku inilah bernama Muhammad Hanafiah Akhir Zaman yang mengalahkan Deli dan dan menangkap Merah Miru dan berhamba raja Johor dan segala raja-raja Melayu dan mengalahkan segala raja-raja yang tiada mau ta’luk ke Aceh. Dan cucuku inilah yang mengumpulkan bumi masyrik dan ialah yang menyunjung karunia Allah Ta’ala menjadi khalifah Allah yang di dalam negeri Aceh Dar as-Salam dan negeri Tiku dan Pariaman dengan menyatakan adilnya ke atas segala isi negeri yang diserahkan Allah Ta’ala kepada tangannya dan ialah mengempulkan dan menjadikan segala raja-raja Melayu itu hamba padanya dan kuasanya” (HA 202-203(83))*

*“...paduka cucunda ini terlalu tangkas akalunya lagi amat bijaksana, dan amat fasihat lidah paduka ini dan tiada ada menduai cucunda ini pada akal dan pada bijaksana.” (HA 194(79))*

*“... jikalau dalam negeri Mekah dan Madinah daripada segala anak mufti tiada ada segera ‘alim seperti paduka cucunda ini. (HA 197(80))...*

*“...bahawa ada kelakuan Johan Alam belayam pedang perisai itu seperti kilat tatkala melompat ke kiri dan ke kanan ...” (HA 199(81))*

Konsep *keadilan* yang dirakamkan dalam teks *Hikayat Aceh* mempunyai kaitan yang erat dengan tugas-tugas yang nyata (praktis) yang perlu diselesaikan oleh raja negara Aceh masa itu. Tugas itu adalah sebagai berikut: mengumpulkan negara-negara Melayu ke bawah perintah suatu sultan yang umum; mengkonsolidasikan semua negeri dan raja-raja Melayu Islam untuk menentang musuh-musuh yang umum, iaitu orang Portugis yang melanggar dan menghapuskan Melaka. Sultan Aceh menaklukkan negara-negara yang berjiran dan menyebarkan kuasanya ke seluruh alam Melayu. Kerana itulah di antara kriteria-kriteria *keadilan* yang dirakamkan dalam *Hikayat Aceh* salah satu fungsi raja adil yang

paling adalah pembangunan suatu negara Islam yang bersatu di seluruh dunia, iaitu - *mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib Dar as-Salam*. Hal ini mencerminkan suasana *bellicosity* (sifat suka berperang) yang masa itu tersebar di dalam pandangan masyarakat Melayu Aceh. Suasana tersebut adalah akibat daripada kegiatan orang Portugis yang menjadi terkenal kerana kekejamaannya. Dalam teks-teks sejarah yang lain (yang sebelum Hikayat Aceh dan juga yang selepasnya) sebutan "*mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib*" tidak diketemui lagi.

Zaman kerajaan Melaka dianggap sebagai *Zaman Emas* dalam sejarah kebangsaan orang Melayu. Karya sejarah utama yang dikarang pada masa itu adalah *Sulalat us-Salatin (Sejarah M)elayu*. Teks tersebut menggambarkan peringkat yang baru dalam perkembangan konsep keadilan Melayu.

*"Sebermula berapa lamanya Sultan Muhammad Syah di atas kerajaan maka terlalulah 'adil baginda pada memelihara segala ra'yat. Maka negeri Melaka pun terlalu besarlah dan segala dagang pun berkampung, dan jajahan Melaka pun makin banyaklah. Arah dari Barat sehingga Beruas Unjung, arah Timur hingga Terengganu UjungKarang. Maka masyhurlah dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besyar, syahdan rajanya daripada bangsa anak cucu Iskandar Zulkarnain. Maka raja-raja pun sekaliannya datang ke Melaka mengadap Sultan Muhammad Syah. Maka oleh sultan segala raja-raja yang datang semuanya dihormati oleh baginda dengan sepertinya dan dianugerahai persalin yang mulia-mulia dan dianugerahi harta emas perak terlalu amat banyak". (SM 55-56(65))*

*"Adapun peninggalku ini hendaklah anakku berbuat ibadat sangat-sangat, jangan anakku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya, kerana segala hamba Allah semuanya terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah segera engkau tolong, jikalau teraniaya ia hendaklah segera kau periksa baik-baik, supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasnya lehermu, kerana sabda Nabi SAW: Kullukum ra'in wakullukum masulun min ra'iyati', ya'ni: Segala kamu yang mengembala lagi akan ditanya daripada kebelaan kamu. Ertinya segala raja di akhirat lagi akan ditanyai Allah daripada segala kebelaan*

*daripada segala ra'yatnya, sebab demikianlah maka harus engkau berbuat adil dan saksama, supaya di sana dipeliharakan Allah Ta'ala kiranya engkau dalam akhirat. Syahdan hendaklah engkau muafakat dengan segala perdana menteri dan segala orang besar-besar, kerana raja-raja itu jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya sekalipun jikalau tiada ia muafakat dengan segala pegawai tiada akan sentosa adanya, dan tiada akan dapat ia melakukan 'adilnya. Adapun raja-raja itu upama api, segala perdana menteri upama kayu, karena api itu jikalau tiada kayu tiada akan nyala. "Arra'iyati juan bakhasta sultan dirakht". Ertinya yang rakyat itu umpama akar, raja itu upama pohonnya, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah raja-raja itu dengan segala ra'yatnya. Adapun segala anak Melayu jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum Allah, kerana segala Melayu itu tuanmu, seperti hadith " `Al'abdu tinul murabbi", ertinya yang hamba itu umpama tuannya, jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hai anakku, hendaklah kau ingatkan segala wasiatku ini, syahdan engkau kerajaan supaya berkat engkau diberi Allah". (SM 122(152))*

Maklumat mengenai *raja yang adil* yang dirakamkan dalam *Sejarah Melayu* terdapat dalam pelbagai bentuknya. Isinya adalah lebih luas dan nyata (kalau dibandingkan dengan Hikayat Raja Pasai). Di dalam *Sejarah Melayu* disebutkan pertama kali beberapa kriteria *kemakmuran negeri*, misalnya - meramaikan negeri, membesarkan perniagaan dan lain-lain. Ternyata kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat dianggap sebagai kewajiban sultan Melaka yang utama. Bahan-bahan tersebut mencerminkan bahawa Islam memajukan perkembangan masyarakat Melayu bukan hanya dalam bidang kehidupan intelektual, malah juga dalam bidang ekonomi.

Konsep keadilan yang lengkap terdapat dalam teks-teks sejarah negeri Johor (kurun ke-18 sehingga ke-19). Maklumat-maklumat mengenai *raja yang adil* mengandungi kriteria-kriteria keadilan yang sama yang telah disebutkan di atas. Kosa katanya dan definisi keadilan di dalam semua teks-teks sejarah Johor mempunyai ciri-ciri yang umum, walaupun tiga teks tersebut mewakili 3 tradisi historiografi Johor dan pengarangnya melindungi pandangan yang berbeza atau kadang kali yang berlawanan.

Dalam karya-karya Johor sebagai *raja adil* disebutkan bukan hanya Yang Dipertuan Besar Johor atau sultan Johor, mahu pun juga Yang Dipertuan Muda Johor (dari keluarga raja-raja Bugis), bendahara Johor, para bangsawan Minangkabau-Siak Johor. Hal tersebut mencerminkan situasi politik yang nyata, iaitu persaingan di antara tiga kelompok-kelompok bangsawan (Melayu, Bugis, Minangkabau) supaya mendapat tahta Johor.

Misalnya, dalam *Peringatan Sejarah Negri Johor* terdapat syair yang mengandungi sifat-sifat keadilan dan fungsi-fungsi bendahara yang adil.

*Bendahara seri maharaja  
Johan bangsawan lakunya sahaja  
sederhana elok ditentang durja  
laksana shams berandung teja*

*Johan muhtasham lakunya sahda  
menjadi bendahara ganti ayahnya  
Johan tidak berbanyak chanda  
menjadi tiang kerajaan baginda*

*Johan pun asal bangsa  
bahari tiang kerajaan turus negeri  
sederhana perhimpun sekalian menteri  
di desa penah adat berdiri...*

Analisis syair tersebut menunjukkan bahawa sifat-sifat keadilan bendahara adalah yang sama yang disebutkan untuk Yang Dipertuan Besar (sultan). *Peringatan Sejarah Negri Johor* tersebut menyerupai teks historiografi Melayu Johor yang mempersembahkan pandangan-pandangan keluarga sultan Johor, iaitu Sultan Suleiman. Sultan Suleiman tersebut adalah baginda dari keturunan yang baru, iaitu dari keturunan bendahara. Puji-pujian atas nama bendahara dalam konteks tersebut boleh dianggap sebagai puji-pujian atas nama semua dinasti yang baru itu.

Maklumat-maklumat mengenai *raja adil* yang paling lengkap terdapat dalam *Tuhfat an-Nafis*<sup>21</sup>.

*“Adalah baginda itu (Sultan Ala ad-Din Riayat Syah) sangat suka mengawali negeri pergi sambang malam-malam dengan dirinya sendiri, dan beberapa kali ia membunuh penyamun dan pencuri dengan tangannya sendiri dan menghukumkan dengan adil dan bencikan orang yang jahat-jahat serta memelihara harta benda orang (TN 7(9))*

*“Syahdan lagi adalah Baginda Sultan Abd ar-Rahman itu suka akan tuan-tuan sayid dan tuan syeikh dan suka bercampur makan minum dengan mereka itu, dan suka sembahyang bersama-sama dengan mereka itu, dan suka berimamkan orang yang alim dan suka ia bang dengan diri sendiri dan suaranya baginda itu pun terlalu hebat serta dengan besarnya. Dan apabila ia bang terkenallah dari jauh akan suara baginda itu. Dan lagi baginda itu suka ziarah kepada rumah-rumah orang tua-tuanya dan orang besar-besarnya terkadang itu ia minta hendak santap kepada segala mereka itu. Dan lagi baginda itu kebanyakan bergurau-gurau dengan sanak saudaranya apalagi dengan hamba sahayanya kerana menyukakan mereka itu dan suka santap beramai-ramai. Dan lagi baginda kebanyakan menangis, sebab khusyuk hatinya kepada Allah Taala, kebanyakan tangis itu pada ketika khatib membaca khutbah”. (TN 304(330))*

*“Adalah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu satu raja yang baik perangnya jua dan suka mengasihi sanak saudaranya dan sahabat handainya apalagi tuan syed yang dari Arab dan tuan syed peranakan dan suka mengasihi orang tua-tua serta hormat kepada yang tua-tua dengan pergi ziarah ke rumahnya terkadang minta musyawarah daripadanya. Dan lagi tiada takbur membesarkan dirinya terkadang hingga makan ia nasi sisa hamba sahayanya. Dan suka ia akan ulama serta kuat menuntut ilmu seperti membaca kirab-kitab yang bahasa Melayu seperti Usuluddin dan kitab Mirat al-Tulab kepada gurunya satu ulama yang besar pada masa itu, iaitu Haji Abd al-Wahab. Serta suka mendengar-dengar tuan-tuan syed berceriterakan hikayat raja-raja yang dahulu dahulu yang sebelah atas angin. Dan suka ia akan orang yang baik-baik baca dan bacaan pada mengaji Qur’an, jikalau datang qari yang pandai mengaji Qur’an ke dalam negeri Riau, maka dipegangkannyalah dua tiga bulan. Maka mengajilah ia serta disuruhkannya anak-anaknya dan pegawai-pegawainya mengaji. Apabila khatam diberinya qari itu wang peratus-ratus ringgit. Dan lagi tiada ia takbur daripada bertanya barang yang tiada dapat*

*kepada orang yang kurang daripadanya atau yang muda hingga pada anaknya sekalipun bertanyalah ia daripada hukum, syarak, sah, batil, halal, haram. Dan adalah ia suka utus mengutus ke sebuah negeri yang lain-lain dengan hadiah-hadiah serta suka mencari sahabat-sahabat daripada orang baik-baik. Syahdan maka banyaklah sahabatnya daripada orang Islam dan orang putih, istimewa pula di dalam negeri Melaka dan seperti gubernurnya dan residennya dan saudagar-saudagarnya dan banyaklah saudagar-saudagar Melaka suka bersahabat dengan Yang Dipertuan Muda.*

*Dan adalah Yang Dipertuan Muda suka membuat baris peperangan adalah pakaian segala barisnya itu dan senapangnya semuanya pertolongan daripada orang-orang besar dan saudagar-saudagar di negeri Melaka. Dan orang yang mengajarnya pun demikian juga orang putih juga. Dan adalah ia menyuruh budak-budak empat lima orang belajar muzik cara Belanda ke Melaka, iaitu belajar tambur dan seruling dan trompet dan biola dan lainnya daripada segala perkakas bermain muzik. ...*

*Syahdan adalah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu suka mengukuhkan negeri dan mengindahkannya dengan kota paritnya serta dengan orang jaganya dan adalah aturan sambang jaganya seolah-olah sambang jaga negeri Melaka jua. Dan demikian lagi ... suka membuat penjajab perang yang indah-indah perbuatannya dengan diukir dan ditulis dengan air emas serta membuat lela suntungnya berpucu semuanya, dan suka pula ia membuat senjata yang dipakai di pinggang seperti keris dan badik dan sikin dan lainnya yang indah-indah perbuatannya yang belum raja-raja membuatnya yang bermacam-macam. Kemudian apabila sudah maka dijadikannya bingkisan kepada segala raja-raja seperti ke Pontianak dan ke Pahang dan ke kedah dan lain-lainnya negeri-negeri apalagi ke negeri Bugis” (TN 305-306(331-332))*

Dalam maklumat tersebut terdapat beberapa sebutan mengenai aktiviti ekonomi yang nyata yang berkaitan dengan pembangunan bandar, perkapalan, perkembangan tentara. Ternyata sifat daya usaha dalam bidang-bidang tersebut dianggap oleh pemandangan awam Johor sebagai sifat yang positif dan elok untuk raja yang adil. Justeru itu perlu menegaskan juga bahawa dalam teks tersebut dirumuskan satu kriteria keadilan yang baru, iaitu sifat *keterbukaan*

terhadap kebudayaan yang lain, termasuk kebudayaan “orang putih”. Raja adil suka bersahabat dengan orang baik-baik, termasuk “orang putih”, dialah suka muzik Eropah dan “*menyuruh budak-budak empat lima orang belajar muzik cara Belanda ke Melaka, iaitu belajar tambur dan seruling dan trompet dan biola dan lainnya daripada segala perkakas bermain muzik*”.

Banyak maklumat mengenai *raja adil* yang terdapat dalam *Tuhfat an-Nafis* mengandungi data-data tentang Yang Dipertuan Muda Bugis Johor. Sebabnya kerana raja-raja muda itupun dianggap dan dipersembahkan oleh pengarang sebagai baginda yang sesungguhnya menjaga negeri dan mengukuhkan kemakmurannya.

Dalam *Tuhfat al-Nafis* terdapat juga kriteria-kriteria keadilan yang baru, iaitu: raja adil wajib jaga keluarganya dan mengaturkan rezeki untuk semua anak-saudaranya. Sifat tersebut semestinya mempunyai kaitan yang erat dengan tugas-tugas yang nyata. Yang Dipertuan Muda Johor dari keturunan raja-raja Bugis perlu menafkahi semua sanak saudaranya dengan jawatan-jawatan dan sumber-sumber keuangan. Ternyata rezeki tersebut dibayar *dengan hasil-hasil negeri Riau*. Tugas ini dianggap oleh pengarang *Tuhfat an-Nafis* sebagai fungsi *raja adil* (di sini - yang Dipertuan muda Johor) yang utama.

Justeru itu menurut Raja Ali Haji *raja adil* patut jua menumpukan perhatian kepada sistem pendidikan dan berusaha mengawali pemandangan awam dan kehidupan intelektual dalam masyarakat Melayu Johor. Kerana itupun hal-ehwal yang berkaitan dengan sistem pengajaran Islam dijelaskan di *Tuhfat an-Nafis* secara terperinci.

*Pemimpin yang adil* (lazimnya - Yang dipertuan Muda Bugis) digambarkan sebagai seorang pembela akhlak awam. Beliau wajib mengaturkan adab dan akhlak yang sesungguhnya sesuai dengan syaria’. Maklumatnya sebagai berikut: “*beliau membuang daripada memakai emas dan sutera; melarangkan segala orang yang jahat-jahat seperti berjudi dan menyabung; bencikan orang bermain-main yang membawa kepada cabul laki-laki dengan perempuan serta orang bernyanyi-nyanyi beranyut dengan pantun sindir-menyindir pada pekerjaan zinah*. Sebutan tersebut diketemui hanya

dalam *Tuhfat an-Nafis*. Analisis perbandingan teks-teks sejarah Melayu lama menunjukkan bahawa dalam *Tuhfat al-Nafis* dicerminkan perubahan (transformasi) sifat-sifat *raja yang adil*. Perubahan tersebut dipengaruhi oleh peraturan syaria' dan sesuai dengan tujuan (kewajiban) raja muda Bugis yang utama, iaitu *membangun negara Islam yang adil*.

Analisis maklumat-maklumat tentang *raja adil* yang dirakamkan di karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19 membantu kita supaya memahami definisi keadilan yang wujud di dalam masyarakat Melayu pada masa itu. Ternyata di dalam semua teks sejarah tersebut terdapat banyak sifat-sifat yang sama.

Analisis maklumat-maklumat tersebut menunjukkan bahawa di dalam historiografi Melayu Islam wujud konsep keadilan yang lengkap (dan yang umum).

Sifat-sifat raja adil itu adalah sebagai berikut:

- rupa yang baik
- suara yang hebat
- budi dan adab yang baik-baik
- bahasa yang ikhlas
- berani
- pahlawan (syahid fi sabilullah)
- pemurah
- sabar
- bijaksana
- sederhana (rendah haiti)
- asal usul yang murni

Raja adil perlu pandai dalam:

- ilmu usuladdin
- ilmu fikh
- ilmu tentera (peperangan)
- perniagaan
- pemerintahan negara
- perundingan



Raja adil wajib:

- merajakan secara adil
- menghukumkan secara adil
- menuntut undang-undang
- ampun dosa
- bermesyuarat dan bermuafakat dengan orang-orang alim (orang besar-besar, orang tua-tua dll.)
- memelihara negeri
- mengukuhkan akan negeri
- mengawali negeri
- meramaikan negeri
- memperbaiki negeri
- memelihara rakyat dan semua isi negara
- memelihara harta benda orang
- bencikan orang-orang jahat
- meramaikan perniagaan
- mengaturkan rezeki
- mengaturkan orang-orang besar-besar
- menjaga semua orang-orang besar-besar dan pegawai-pegawai supaya mereka jangan membuat jahat terhadap rakyat
- jangan tama' harta orang
- jangan tama' harta dunia

Dalam bidang agama raja adil wajib:

- taat terhadap Allah SWT
- ikut sabda Nabi Muhammad SAW
- mengukuh agama
- membela Islam
- mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib
- menjadi Khalifah Allah
- berbuat ibadat
- melaksanakan amalan secara baik-baik
- jangan tukar agama dengan dunia
- menuntut ilmu
- membangun masjid
- mengukuh akhlak

- ikut tarikat

Konsep keadilan tersebut menunjukkan bahawa fungsi baginda (sultan, raja besar, yang dipertuan besar) di dalam alam Melayu sesuai dengan konsep kerajaan Islam (Islam Sunnah). Senarai sifat-sifat raja adil tersebut mencerminkan bahawa raja Melayu mempunyai kewajiban sebagai pemimpin agama (*imamat*), mahu pun juga sebagai pemimpin sekular (*emirat*).

Salah satu unsur konsep keadilan itu adalah definisi *nafsu*. *Nafsu* dianggap sebagai sebab (alasan) yang utama bila manusia menghilangkan keadilannya, melupakan kewajibannya dan ikut jalan yang jahat. *Nafsu* bermakna kegiatan atau keadaan yang tidak adil, iaitu ketidakadilan. Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas menjelaskan definisi ketidakadilan (*injustice*) sebagai berikut:

*“The Holy Qur’an repeatedly stresses the point that man, when he does wrong, is being unjust (zalim) to himself, and that injustice (zulm) is a condition wrought by man upon his self<sup>22</sup>. ... Though in Islam injustice ostensibly applies between man and God, and between man and man, and between man and his self, in reality, however, injustice is ultimately applicable - even in the two former cases - to man’s self alone; in the islamic world point of view and spitual vision, whether he does wrong to another man, it is really to his own self that he does wrong. Injustice being the opposite of justice, is the putting a thing in a place not its own; it is to misplace a thing; it is to misuse or to wrong; it is to exceed or fall short of the mean or limit; it is to suffer loss; it is deviation from the right course; it is disbelief of what is true, or lying about what is true knowing it to be true. Thus when a man does an act of injustice, it means that he has wronged his own soul, for he has put his soul in a place not its own; he has misused it; he has made it to exceed or fall short of its real nature; he has caused it to deviate from what is right and to repudiate the truth and to suffer loss. All that he has thus done - in one way or another - entails a violation of his Covenant with God”<sup>23</sup>.*

Konsep nafsu atau ketidakadilan yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam sesuai dengan tamadun Islam yang dijelaskan oleh Prof al-Attas di atas. Dosa yang dibuat oleh orang yang zalim atau semua nafsu-nafsu yang

membakar hati orang yang zalim pada akhirnya *balik* dan menghapuskan orang zalim tersebut. Raja yang tidak adil pada akhirnya menghilangkan kerajaannya, negara yang tidak adil pada akhirnya mundur dan menghilangkan kebebasannya, setiap perkara-perkara yang jahat pada akhirnya dibalas oleh Allah SWT. Inilah amaran dan nasihat peringatan yang utama yang dirakamkan dalam semua karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19.

Istilah-istilah yang diketemui dalam amaran tentang *nafsu* adalah pelbagai bentuknya. Dalam ajaran tersebut pengarang biasanya memakai bahasa dan kosa kata yang penuh dengan gaya/perasaannya dan sangat beribarbat. Maklumat-maklumat ini mencerminkan perbuatan-perbuatan dan kemahuan apa yang menurut pandangan masyarakat Melayu Islam kurun 13-sehingga ke-19 dianggap sebagai hawa nafsu dan dosa-dosa yang paling besar. Di antaranya disebutkan sebagai berikut: *syirik, itikad mulhid, mengaku dirinya Allah Taala, derhaka (durhaka), murtad, mengubah sumpah setia, pembunuhan raja, pembunuhan tanpa hukuman atau tanpa izin raja, honar (onar) yang memberi kegeruhan atas negeri, tanpa, fitnah, tipu (menipu), murka, marah, tiada sabar, ikut hawa nafsu syaitan, benci (dengki), dendam, tamak, loba, judi, sabung, cabul laki-laki dengan perempuan, menyanyi-menyanyi beranyut dengan pantun sindir menyindir pada pekerjaan zinah dll.*

Analisis kosa kata bahasa Melayu klasik dan juga penelitian bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan konsep keadilan itu membuktikan secara jelas, bahawa di dalam masyarakat Melayu wujud *sistem kerajaan dan sistem akhlak dan ta'dib* yang lengkap yang sesuai dengan rukun-rukun Islam Sunnah.

Karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke-13 hingga ke-19 mengandungi juga banyak bahan yang berkaitan dengan sistem kerajaan Melayu. Antaranya termasuklah: perjanjian antara sultan dan rakyat; sumpah setia; alat-alat perkakas; kewajiban dan pelbagai fungsi sultan dan orang besar-besar, sistem pentadbiran negara dan penjawat dan lain-lain.

Dalam *Sejarah Melayu* dirumuskan suatu waad antara sultan Melaka dan rakyatnya:

*“Sebermula dikhabarkan orang Demang Lebar Daun ada seorang anaknya perempuan terlalu baik parasnya, tiada berbagai pada zaman itu. Tuan Puteri Uwan Sundari namanya. Maka di-teda-teda oleh Seri teri Buana pada Demang Lebar Daun hendak diperisterinya oleh baginda. Maka sembah Demang lebar Daun ..jikalau tuanku mau akan anak patik itu maulah Duli Yang Dipertuan berwa’ad dengan patik. Maka patik ke bawah Duli Yang Dipertuan ... Maka titah Seri Teri Buana: Apa janji yang dikehendaki oleh bapaku itu? Maka sembah Demang Lebar daun Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan jadi hambalah ke bawah Duli Yang Dipertuan. Hendak lah ia diperbaiki oleh anak cucu tuan hamba. Syahadan jikalau ia berdosya (berdosa) besyar-besyar dosyanya sekalipun jangan ia di fadhihatkan dan dinista dengan kata yang jahat-jahat. Jikalau besar dosanya dibunuh, itu pun jikalau patut pada hokum syari’a.*

*Maka titah baginda: Khabullah hamba akan janji bapa hamba Demang Lebar Daun tetapi hamba minta satu janji pada bapa hamba. Maka sembah Demang Lebar Daun Janji yang mana itu, tuanku? Maka titah Seri Teri Buana Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa jangan durhaka, dan anak cucu hamba, jikalau ia zalim dan jahat pekertinya sekalipun. Maka sembah Demang Lebar Daun Baik, tuanku... Maka keduanya pun bersumpah-sumpahanlah barang siapa mengubahkan perjanjiannya itu dibalik Allah SWT bumbungan rumahnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas. Itulah sebabnya maka dianugerah Allah SWT kepada segala raja-raja Melayu tiada pernah memberi ‘aib pada segala hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya tiada diikatnya dan digantungnya dan difadhihatkannya dengan kata yang jahat. Jikalau ada seorang memberi ‘aib itu’alamat negeri akan dibinasakan Allah SWT. Syahdan jikalau segala hamba Melayu pun dinugerahkan Allah SWT tiada pernah didurhakakan dan memalingkan mukanya kepada rajanya jikalau jahat sekalipun pekertinya dan aniaya sekalipun. (SM 19-20(23-24))*

Perjanjian tersebut sesuai dengan konsep kerajaan Islam yang dijelaskan oleh Ibn Khaldun dan Ibn al-Mawardi. Waad menjadi dasar keabsahan kerajaan sultan dan keturunannya. Maklumat mengenai perjanjian menjadi suatu unsur yang baru dalam konsep kerajaan Melayu yang baru muncul dalam teks tersebut. Perjanjian tersebut menjelaskan hubungan

antara pemimpin dan rakyat dan menentukan perpaduan kebangsaan sebagai suatu dasar kemakmuran Negara. Penyatuan tersebut ditentukan oleh Allah SWT, dan kedua-dua pihak wajib mentaati perjanjian itu. kemungkirannya dianggap oleh pandangan umum sebagai salah satu dosa yang paling besar dan yang pasti mengakibatkan kemunduran Negara.

Dalam karya-karya Johor, perjanjian antara sultan dan rakyat dirakamkan dalam *bentuk sumpah setia*. Berbagai-bagai maklumat tentang *sumpah setia* itu dapat dilihat seperti yang berikut:

*Pada hijrat sanat 1138 masa itulah turun Sultan Khlifatullah Muhammad Syah ke negeri Kampat lalu menyuratkan sumpah setia antara raja Pagar Ruyung dengan Johor dan anak Minangkakau yang di Pasisir laut. Adapun bunyi setianya itu barang siapa anak Minangkabau yang di dalam perintah Johor hendaklah mengikut perintahan Johor. Barang siapa tiada mengikut, dimakan sumpah besi kawi tiada selamat sampai kepada anak cucunya, tiap-tiap suatu pekerjaan yang dicitanya dikutuki Allah Taala. Demikian bunyinya sumpah setia itu. Syahdan adalah surat sumpah setia itu dibuatnya tiga pucuk, yang pertama kepada baginda Sultan Suleiman, dan yang kedua kepada Yang Dipertuan Muda dan yang ketiga kepada matoa, iaitu Raja Tua. (TN 86(88-89))*

Dalam teks di atas terdapat cara bersumpah setia yang dilakukan di dalam masjid. Keadaan ini menunjukkan bahawa di negeri Johor, adat-istiadat sumpah setia sesuai dengan tradisi berikrar menurut Syaria: pengucapan sumpah (ikrar, nazar) perlu disahkan dengan menyebut nama Allah SWT, dan tempat yang paling wajar dan paling afdal untuk bersumpah ialah masjid. Lazimnya Sumpah setia mengikut dasarnya yang baru, iaitu *muafakat sama-sama Islam*. Subjek tersebut merupakan unsur yang baru dalam konsep kerajaan Melayu Islam yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Johor: ... *menyuruh menyilakan Yang Dipertuan Kedah kembali balik ke dalam negerinya, kerana pekerjaan sudah habis tinggal lagi pula pekerjaan muafakat sahaja sama-sama Islam (TN 203(218))*

Salah satu unsur konsep kerajaan yang terdapat dalam teks-teks yang dikaji ialah *alat-alat perkakas kerajaan* yang digunakan di negara-negara Melayu

Islam pada kurun ke-13 hingga ke-19. Menurut konsep kerajaan itu, raja-raja Melayu Islam menerima kuasa dan kerajaannya dari Mekah. Hal tersebut dianggap oleh pendapat umum masyarakat Melayu sebagai bukti bahawa sultan tersebut sesungguhnya mempunyai hak yang sah untuk memerintah negeri kerana alat-alat perkakas kerajaan juga dibawa dari Mekah.

Dalam *Hikayat Raja Pasai dan Sejarah Melayu* terdapat cerita seperti berikut:

*“Hatta maka beberapa lamanya kemudian daripada hadirat Nabi SAW wafat, maka terdengarlah khabarnya kepada syarif yang di Makkah ada suatu negeri di bawah angin bernama Samudera, maka oleh Khalifah Syarif, maka ia menyuruh sebuah kapal akan membawa segala perkakas alat kerajaan ke negeri Samudera” (HRP 24-27(14-15)).*

*“Maka oleh Syeih Ismail segala perkakasnya kerajaan yang dibawanya itu semua diturunkannya dari dalam kapalnya. Maka Merah Silu dirajakannya maka dinamai Sultan Malik as-Saleh” (SM 38(46)).*

Dalam *Tuhfat an-Nafis* juga ditemui beberapa alat-alat perkakas, iaitu:

*“... maka tersangkut suatu aral, iaitu kerajaan Johor seperti segala semberabnya dan pedang kerajaan dan lain-lainnya seperti lela majnun dan kris panjang dan lainnya maka semuanya itu ada kepada tangan raja Kecil” (TN 74(77));*

*“... serta diberinya pedang kebesaran yang bernama Sapu Rajab serta diberinya pula cap di dalam sahlah anak Marhum Mangkat Di Julang konon” (TN 18(19))*

Banyak maklumat tentang konsep raja dan kerajaan serta adat istiadat pemerintahan negara yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah, antaranya termasuk juga maklumat yang menyatakan fungsi dan kewajiban raja dan penggantinya dan juga fungsi dan kewajiban orang besar-besarnya dan penggantinya.

Teks-teks sejarah Melayu Islam yang dikaji memperlihatkan sultan yang memerintah negara Melayu Islam, kegiatan dan tugas-tugasnya adalah sesuai dengan tradisi umum Islam. Fungsinya yang utama meliputi hak kuasanya sebagai pemimpin masyarakat dalam bidang politik, ekonomi, undang-undang, dan agama. Namun begitu teks-teks tentang kegiatan sultan tersebut ternyata berbeza. Misalnya, dalam karya kurun ke-13-ke-16 (zaman kerajaan Pasai dan Melaka) terdapat beberapa catatan bahawa sultanlah yang menghukum dan/atau merasmikan hukuman ke atas orang-orang jahat dan menggubal undang-undang. Dalam teks-teks sejarah Johor (kurun ke-18-ke-19), orang yang berkuasa sebagai hakim tertinggi ialah Yang Dipertuan Muda (TN) dan Bendahara (PSNJ). Sebenarnya menurut *Tuhfat an-Nafis*, Yang Dipertuan Mudalah yang berkuasa penuh di negeri Johor. Ini menunjukkan bahawa teks tersebut menggambarkan keadaan sebenar yang terjadi dalam masyarakat Johor.

Menurut Islam, orang-orang besar dan kakitangan memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran negara. Ibn Khaldun menegaskan bahawa “kerajaan khalif mendasarkan atas dua benda: *pedang* dan *mata pena*. *Pedang* bermaksud tentera, manakala *mata pena* bererti *dewan*, iaitu sistem pentadbiran sivik (awam), semua kakitangan, jabatan kewangan, jabatan pos dan lain-lain. Dasar sistem kerajaan di negara Islam (terutama *kuasa tunggal* sebagai prinsip terpenting dalam pemerintahan negara), tugas raja dan kewajibannya ditetapkan oleh undang-undang Islam (syari’a). Tetapi sistem pentadbiran dan susunan pangkat orang-orang besar dan kakitangan-kakitangan tidak begitu dijelaskan dalam syaria’t. Pada peringkat awal, masyarakat orang Muslim “*ummah*” dianggap oleh Islam sebagai suatu kesatuan atau persaudaraan manusia yang mempunyai hak yang sama. Pada zaman Nabi Muhammad SAW, jabatan yang rasmi sifatnya belum ada lagi. Oleh sebab itu biasanya sistem dan susunan pangkat semua orang besar-besar dan kakitangan ditentukan oleh adat-istiadat tempatan<sup>24</sup>.

Di negara-negara Melayu Islam, susunan jabatan dan tugas orang besar dan kakitangan mengikut adat-istiadat tempatan yang dirumuskan dalam Undang-undang Melaka dan dalam berbagai-bagai kanun yang lain. Analisis sumber-sumber historiografi Melayu Islam membantu kita memahami peranan sistem kerajaan dalam masyarakat Melayu pada beberapa zaman, dan menunjukkan

antara lain fungsi orang besar-besar dan penggantinya bergantung pada kuasa di dalam negara. Kakitangan yang paling sering disebutkan dalam teks-teks yang dikaji ialah *Bendahara* dan *Yang Dipertuan Muda*. Semua kakitangan tersebut ialah orang-orang besar yang paling berkuasa dalam masyarakat Melayu.

*Yang Dipertuan Muda* (Yang Tuan Muda, raja muda) ialah putera mahkota, tengku mahkota, dan pemangku raja yang memerintah (tanah jajahan dan lain-lain). Di Johor pula, merupakan salah seorang yang mempunyai kedudukan tertinggi, yang fungsi utamanya ialah memerintah negara atas nama sultan. Pelantikannya dibuat oleh sultan dan jawatan tersebut disandang turun-temurun.

*Bendahara* ialah orang besar yang memegang harta benda kerajaan dan juga selaku perdana menteri dan wazir. Menurut *Hikayat Siak* dan *Sejarah Melayu*, bendaharalah yang paling berkuasa dalam negara selepas sultan atau Yang Dipertuan Besar. Bendahara dilantik oleh sultan dan ini merupakan jawatan turun-temurun.

Analisis teks-teks sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19 menunjukkan bahawa prinsip utama dalam sistem kerajaan di negara Melayu pada kurun ke-13-ke-19 ialah prinsip *kuasa tunggal*. Hal ini ditetapkan oleh undang-undang Islam menurut cara yang tertentu. Dalam masyarakat Melayu, telah tersebar dan berkuatkuasa undang-undang dan peraturan yang sesuai dengan tradisi Islam Sunnah.

## **KONSEP PATRIOTISME DAN RASA SAYANG KEPADA TANAH AIR<sup>25</sup>**

Kajian teks-teks sejarah Melayu Islam tersebut menunjukkan bahawa di dalamnya dirumuskan dan dirakamkan pandangan orang Melayu mengenai pelbagai aspek patriotisme. Pandangan-pandangan tersebut mencerminkan konsep patriotisme yang wujud di dalam masyarakat Melayu mulai daripada kurun ke-13 sehingga ke-19.

Karya-karya historiografi Melayu Islam mengandungi pelbagai aspek patriotisme, iaitu: rasa sayang dan kebaktian kepada keluarga; kesetian



kepada bangsa/rakyat; kesetian kepada raja; kesetian kepada negara; ketaatan kepada ummat Islam.

Dari segi bentuk persembahan dan isi kandungannya bahan-bahan yang berunsur patriotisme boleh digolongkan kepada 6 kategori yang mencerminkan pelbagai unsur patriotisme yang dirakamkan di dalamnya. Kategori tersebut adalah sebagai berikut:

- cerita tentang kebaktian kepada keluarga
- cerita tentang kesetiaan kepada bangsa (*nation*)
- cerita tentang kesetiaan rakyat kepada raja
- puji-pujian (*panegyric*) terhadap tanah air dan Negara sendiri
  - ◊ penggambaran kecantikan dan kekayaan alam sekitar di tanah air/negara
  - ◊ penggambaran kemakmuran Negara
- puji-pujian (*panegyric*) terhadap raja/ penaung
  - ◊ cerita tentang keberanian raja
  - ◊ cerita tentang ketaatan raja kepada Negara dan rakyatnya
  - ◊ cerita tentang pahlawan yang mengkorbankan diri demi Negara dan rakyatnya
- cerita ajaib berunsur patriotik
- cerita patriotik berunsur Islam

Analisis kriteria tersebut membantu merumuskan prinsip asas konsep patriotisme yang tersebar dalam masyarakat Melayu Islam pada zaman kesultanaan Melayu Islam. Kriteria terpenting adalah seperti berikut: rasa sayang dan kesetian kepada tanah air, kebaktian kepada keluarga, dan kesetian kepada tanah air, kebaktian kepada keluarga, kesetian kepada raja, ketaatan kepada ummat Islam (agama).

Masyarakat Melayu yang sejak dahulu kala tinggal di persimpangan jalan-jalan perdagangan dan di kawasan percampuran bangsa dan budaya, merupakan masyarakat yang amat terbuka. Rasa sayang kepada kampung dan kebaktian kepada keluarga merupakan *sauh* yang mengaitkan seorang Melayu dengan bangsanya dan tanah airnya di dalam laut dunia yang beraneka budaya ini.

Rasa sayang kepada tempat lahir dan keluarga merupakan jenis patriotisme terawal. Teks-teks Melayu lama mengandungi maklumat tentang rasa sayang orang Melayu kepada tempat lahir dan kampung mereka. Misalnya:

*Maka ... Tok Syahbandar dan Encik Lambak dan serta sekalian orang-orangnya balik daripada lari, menyerahkan diri seperti benang putih. Raja pun terimalah dengan ikhlasnya. Balik sekalian mereka itu di kampong halaman yang telah sudah, kasih oleh raja terlebih kepada lama (HP, ms. 48)*

Justeru itu perlu menegaskan bahawa idea ‘balik kampung’ dan kesetiaan kepada tempat lahir jarang ditemui dalam historiografi Melayu Islam pada kurun ke-13 –hingga ke-19. Salah satu sebabnya kerana orang Melayu tinggal di kawasan kepulauan yang dikelilingi lautan. Mereka biasa dengan perpindahan daripada satu tempat ke tempat yang lain. Raja-raja pun biasa pindahkan istana dan kubu mereka ke tempat yang lebih selesa dan selamat:

*Maka cita-cita baginda hendak memindahkan ibu kota negeri dari Berahman Indera ke cempaka Sari itu di langsunkanlah. Istana yang indah permai, dipagari oleh empat penjuru tembok yang kukuh sebagai kubu, sepanjang 240 kaki sebelah-sebelah, dan setiap penjuru terdiri menara yang tersergam dengan meriam-meriamnya sekali, telah siap dibina di cempaka sari. ... pada hari yang ditentukan berangkatlah baginda dengan segala pengiringnya meninggalkan Berahman Indera menuju ke cempaka sari. ... Cempaka sari ditukar oleh baginda dengan nama Pulau Indera Sakti. (MM. ms. 11 – 13)<sup>26</sup>*

Cerita tentang pemindahan istana dan kubu raja lazim ditemui di dalam semua karya-karya historiografi Melayu Islam. Bersama dengan pemimpinnya para bangsawan dan rakyat juga pindah ke tempat yang baru dan membina kampung yang baru sekeliling istana raja:

*...Setelah sudah lengkap kota istana, kemudian segala menteri hulubalang pun masing-masing berbuat rumah dan kampung, diaturnya berkeliling kota rajanya. Setelah sudah sekaliannya itu, maka masing-masing pun*

*datanglah mengadap rajanya sehari-hari. Maka termasyhurlah Raja Merong Mahawangsa. (HMM, ms.15)<sup>27</sup>*

Analisis teks menunjukkan bahawa dalam karya-karya historiografi Melayu Islam konsep patriotisme *tempatan* digantikan dengan idea-idea kebaktian kepada keluarga dan kesetiaan kepada raja.

Kajian sumber historiografi Melayu membuktikan bahawa sebenarnya *patriotisme* orang Melayu jarang berunsur *nationalistic*. Perkataan *Takkan Melayu Hilang di dunia* katanya merupakan kata-kata keramat yang kononnya diucapkan oleh Hang Tuah menjadi slogan politik yang digunakan oleh ramai ahli dan parti politik masa kini<sup>28</sup>. Justeru itu sumber ayat tersebut tidak jelas. Annabel Gallop menegaskan secara betul bahawa perkataan ini tidak ditemui di dalam teks *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*<sup>29</sup>. Walau bagaimana pun ramai yang merujuk kepada slogan tersebut telah lupa bahawa teks lengkap pepatah ini adalah *Takkan Melayu hilang di dunia selagi berpegang teguh kepada agama Islam*.

Teks-teks Melayu lama mengandungi maklumat yang membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada zaman kesultanaan Islam bersifat terbuka kepada tamadun dan bangsa lain. Sifat keterbukaan dan toleransi menjadi salah satu kriteria yang wajib untuk raja yang dianggap sebagai raja adil:

*... karna paduka anakda itu amat baik rupanya. Jika ia memakai cara jawa serupa jawa, dan jika ia memakai cara Cina serupa Cina, dan jika ia memakai cara Siam serupa Siam, dan jika ia memakai cara Arab serupa Arab. (HRP 96(47) )*

Salah satu unsur patriotisme dalam karya-karay historiografi Melayu Islam adalah penggambaran negara sendiri sebagai negara yang terhebat di dunia dan juga puji-pujian kepada baginda negara tersebut. Penggambaran yang bersifat puji-pujian merupakan tulisan *panegyric* dan tersebar luas dalam tradisi persuratan Melayu Islam. Unsur-unsur *panegyric* terhadap negara boleh dibahagikan kepada 2 golongan utama: penggambaran

kekayaan alam sekitar (misalnya di Hikayat Aceh); penggambaran kemakmuran negara (misalnya di Tuhfat al-Nafis):

### **DARIPADA HIKAYAT ACEH**

*“... galian mas yang merah yang sepuluh mutu dan tanah cempaga kudrati yang sentiasa mengalir di atas bukit galian itu dan beberapa daripada kolam minyak tanah kudrati yang tiada lagi berkurang minyaknya daripada kolam itu; dan yang terbit daripada segala haiwan dalam rimbanya, daripada paizhar dan jebat dan air madu dan lilin dan daripada isi bukit rimbanya, beberapa dari pohon kayu yang dalamnya kapur dan kemenyan yang putih dan hitam dan daripada pohon kayu khelembek dan gaharu dan cendana dan dammar dan lada dan pilpil diraz dan beberapa daripada galian yang lain dan daripada segala pohon kayu yang lain dari itu... Dan ada suatu sungai dalam negeri Aceh Dar as-Salam yang terbit mata air daripada bukitnya lalu mengalir ke laut itu. Airnya terlalu manis lagi akan penawar. Maka beberapa daripada orang sakit apabila mandi ke dalam sungai itu maka di’afiatkan Allah Ta’ala penyakitnya dan beberapa daripada orang yang sakit apabila diminumnya air sungai itu maka di’afiatkan Allah Ta’ala penyakitnya. Dan ll beberapa dagang-dagang daripada ‘Arab dan Ajam dan Rumi dan Mughul dan segala Hindi yang melihat sungai itu dan merasa mandi dalam sungai itu dan merasa minum air dari sungai itu, maka jadi ia mengucap syukur akan Allah Ta’ala peserta dengan hairannya dan dahsyatnya dan terbit daripadanya kata: ‘Ah, beberapalah negeri yang kami datang dan kami lihat, dalamnya sungai tiada seperti sungai Aceh Dar as-salam ini pada citarasanya dan pada manfa’atnya akan jasad manusia’... Dan ada hawa negeri Aceh Dar as-Salam itu sederhana jua, tiada amat sejuk dan tiada amat hangat, daripada lalu cakrawala matahari dari masyrik ke maghrib itu berbetulan dengan bumi negeri itu. Maka dari kerana itulah segala isi negeri itu daripada manusia dan gajah dan daripada segala binatang yang dalam negeri itu gagah dan berani dan tegar hati... (HA, 231(94) - 237(96))*

### **DARIPADA TUHFAT AL-NAFIS**

*“Adalah pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Haji menjadi Yang Dipertuan Muda itu, makin ramai dan bertambah ramainya negeri Riau, serta dengan*

*makmurnya serta dengan orang-orang yang di dalam Riau itu banyaklah yang kaya-kaya seperti Sayid Husain Aidid adalah diam di Sungai Timun cukup dengan gedungnya serta dengan perahu-perahu tiang sanbungnya pulang pergi ke tanah Jawa berniaga, dan beberapa pula saudagar-saudagar Cina dan Bugis dan beberapa pula kapal dan keci dan wangkang kepala merah dan kepala hijau, berpuluh-puluh buah ... (ramai rakyat dan kapal-kapal)*

*“Syahdan maka baginda Yang Dipertuan Besar serta Yang Dipertuan Muda serta raja-raja Bugis dan Melayu banyaklah mendapat hasil-hasil dan cukai-cukai dan antara-antaranya Cina wangkang itu dan tob Siam seperti segala mangkuk pinggan dan piring yang halus-halus dan yang kasar-kasar beberapa gedung. Apalagi seperti kain perbuatan Cina seperti dewangga dan kimka dan belakang parang dan satin beratus-ratus gulung dapatnya di dalam setahun angin’. (banyak pendapatan daripada cukai-cukai)*

*“Dan segala tuan-tuan syed pun banyaklah datang dari tanah Arab apalagi lebai Jawa hingga penuh tunpatlah di rumah wakaf dan masjid dan segenap surau orang besar-besar itu dan orang kaya-kaya itu. Apa lagi malam Jumaat berkumpulah ke dalam semuanya maulud Nabi. Maka selesai daripada maulud memberi sedekah, ada yang kena jekketun, ada yang dapat ringgit, ada yang dapat rupiah ...” (pengukuhan agama)*

*“Dan beberapa pula penjajab perang yang sudah sedia di pelabuhan serta cukup ubat pelurunya serta dengan panglima-panglimanya dua tiga puluh turun dua tiga puluh naik ke darat. Adapun segala meriamnya pun digantunglah apabila datang sesuatu hajat baginda, maka didekatkannya sahalalah penjajab-penjajab itu. ...” (keselamatan negara)*

*“Dan yang Dipertuan Muda pun selalulah bermain-main dan berkayuh-kayuh serta bergonggong dan budian sersama-sama, iaitu ke pulau Bayan dan ke terkulai dan bersiram ke Senggarang dan lainnya adanya”. (kehidupan yang penuh dengan rasa seronok dan kegembiraan)*

*“Syahdan adalah jenis-jenis makan-makanan semuanya murah di dalam negeri Riau melainkan jenis-jenis daripada kain cita-cita Eropah dan sakhlat dan kain putih dan kain antelas dan sapu tangan batik dan kain*

*batik, iaitu khabar orang terlalu mahalny...*” (banyak makanan yang dan dagang-dagangan yang murah-murah) (TN 218-219(234-236))

Penggambaran negara sendiri sebagai negara yang paling hebat dan kaya fungsinya supaya menaikkan darjah patriotisme dalam hati para pembaca, membangkitkan rasa kebanggaan kebangsaan, mempromosikan kehebatan raja dan amalannya. Analisis teks-teks Melayu lama membantu merumuskan kriteria kehebatan utama yang dirakamkan dalam *panegiryc* tersebut. Kriteria tersebut adalah seperti berikut: negara aman dan selamat, kehidupan di dalamnya selesa dan seronok, kawasan negara luas dan penuh dengan sumber mineral dan sumber semula jadi, ramai penduduk dan tenaga kerja; keadaan ekonomi adalah makmur dan maju; semua makanan murah, perdagangan semakin berkembang. Kriteria yang istimewa adalah pengukuhan agama dan kebangkitan akhlak.

Semua ini boleh dicapai kalau raja negara dan para bangsawannya adalah adil dan jaga negara dan rakyat secara sewajarnya.

Kesetiaan kepada raja adalah satu lagi unsur patriotisme yang terpenting dalam tradisi masyarakat Melayu. Dalam teks-teks Melayu lama terdapat pelbagai maklumat yang berkaitan dengan hal tersebut: dirakamkan cerita tentang kesetiaan orang besar-besar (bangsawan) kepada sultan sebagai sorang pemimpin sekular yang menjaga kemakmuran negara; kesetiaan para ulama dan para haji kepada sultan sebagai seorang pemimpin rohani yang memperkukuhkan agama di dalam kerajaannya; kesetiaan rakyat kepada baginda yang melindungi isi kerajaannya dan melakukan hukuman yang adil.

Justeru itu seorang pemimpin yang adil lazim digambarkan dalam teks-teks Melayu lama sebagai patriot yang jaga rakyat dan melakukan keadilan terhadap bangsa Melayu. Dalam teks *Sejarah Melayu* Sultan Alauddin Riayat Syah mengajar anak-anaknya seperti berikutnya:

*“Adapun segala anak Melayu jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum Allah, kerana segala Melayu itu tuanmu, seperti hadith “ `Al’abdu tinul murabbi”,*

*ertinya yang hamba itu upama tuannya, jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa”. (SM 122(152))*

Penggambaran bendahara sebagai patriot dirakamkan dalam teks *Peringatan Sejarah Negri Johor*. Bendahara yang bersifat patriotik berasal daripada bangsa tempatan. Beliau yang merupakan tiang kerajaan, beliau merupakan pembela adat dan tradisi tempatan.

Dalam *Hikayat Pahang* disebutkan ratu Pahang Tengku Ampuan Fatimah (1884 – 1914), digelar sebagai Encik Puan Bongsu, yang merujuk kepada khazanah persuratan kebangsaan, supaya penaikkan semangat patriotisme rakyatnya:

*“Yang Mulia Encik Puan Bongsu itu raja yang sangat-sangat bijaksana, maha arif bestari; apatah lagi adat-istiadat raja-raja Melayu semuanya mengetahui ia tiada khali sekali-kali menyuruh orang membaca Sejarah Melayu dan kanun zaman dahulu dan ingatan pun naik ...” (HP, ms.54)*

Salah satu kriteria patriotisme yang terpenting adalah keberanian dalam peperangan. Seorang raja yang bersifat patriotik digambarkan sebagai pahlawan yang sanggup mengorbankan nyawa diri sendiri demi negara beliau dan rakyatnya. Dalam karya-karya historiografi Melayu Islam terdapat banyak cerita tentang raja-raja yang mati dalam peperangan demi negara dan rakyat dan dianggap sebagai *syahid fi sabilillah*.

Menurut Tuhfat al-Nafis, Raja Haji Ibn Daeng Celak (1727 - 1784) seorang pahlawan dan Yang Dipertuan Muda kesultanaan Johor-Riau-Lingga (1777 - 1784) merupakan teladan seorang patriot yang mati sebagai *syahid fi sabilillah* dibunuh oleh musuh dalam peperangan supaya melindungi Negara dan sultan Johor. Menurut pengarang Jenazah Raja Haji yang terkorban dalam pertempuran di Teluk Ketapang patut dikebumikan di tanah air pahlawan tersebut. Bila orang *kafir* bercadang untuk membawanya dari tanah Johor (dar ul-Islam) ke Batavia (dar al-harb), terjadi peristiwa yang ajaib: azab diturunkan atas semua yang bersalah:

*Adalah sebelum lagi ditanam jenazah Yang Dipertuan Muda Raja Haji itu maka ditaruhnya di dalam peti hendak dibawanya ke Betawi, sudah setia kapal akan membawa jenazah baginda al-Marhum itu, mama menantikan keesokkan harinya sahaja. Maka pada malam itu keluarlah memancar ke atas seperti api pancar ke atas daripada peti jenazah al-Marhum itu. Maka gaduhlah orang-orang Melaka itu melihatkan hal itu. Maka di dalam tengah-tengah bergaduh-gaduh itu maka kapal yang akan membawa jenazah al-Marhum Raja Haji itu pun meletuplah terbakar terbang ke utara segala isinya serta orang di dalam kapal itu seorang pun tiada yang lepas mati semuanya. (TN 239(258))*

Akhirnya jenazah seorang patriot kekal dikebumikan dalam tanah negara beliau.

Analisis teks-teks sejarah Melayu Islam menunjukkan bahawa unsur patriotisme, iaitu ketaatan dan rasa sayang kepada negara dan rakyat merupakan kriteria terpenting dalam konsep raja adil, yang dirakamkan dalam karya-karya historiografi Melayu kurun ke-13 sehinga ke-19. Sejak kurun ke-13 konsep patriotisme Melayu dipengaruhi oleh Islam dan mengandungi banyak unsur Islam. Historiografi Melayu Islam mencerminkan transformasi kefahaman patriotisme berunsur etnik dan kesetiaanegaraan kepada konsep persaudaraan dan setaatan kepada agama dan ummat Islam.

Dalam teks *Sejarah Melayu* bendahara paduka raja memberi nasihat kepada anak cucunya:

*Syahdan yang hidup sahaja akan mati juga kesudahan. Hendaklah kamu tuluskan hatimu pada berbuat kebaktian pada Allah SWT dan akan Rasulullah SAW, dan berbuat kebaktian akan raja dan jangan kamu kelupai pada segala hukuman bahawa raja-raja yang adil itu dengan Nabi Allah upama dua permata pada sebetuk cincin. Lagipun yang raja itu upama ganti Allah. Apabila berbuat kebaktian akan Nabi Allah serasa berbuat kebaktian akan Allah seperti firman Allah Ta'ala di dalam Qur'an "Berbuat baktilah kamu akan Allah dan akan Rasulullah. Ini wasiatku kepada kamu semua. (SM 116(143-144))*



Dalam petikan tersebut dirumuskan unsur utama konsep patriotisme Islam Melayu: ketaatan kepada Allah swt dan Rasulullah saw serta kesetiaan kepada raja.

Karya-karya historiografi Melayu Islam mencerminkan juga bahawa definisi kebangsaan (*nationality*) dianggap dalam masyarakat Melayu Islam sebagai sinonim kepada definisi keagamaan (*religion*). Menurut pandangan masyarakat Melayu definisi Melayu sama maknanya dengan definisi Muslim, perkataan “masuk Islam” bermaksud “menjadi Melayu”. Hal yang sama disebutkan juga oleh *ethnologist* Barat daripada kurun ke-18 J.C. Pritchard: “*They have ... have promulgated in all the districts with which they have any connexion, the tenets of Islamizm, for they were the first people in these regions who adopted that superstition. They converts every where assume the name Malays together with their new faith, and that term is now in the eastern parts of India synonymous with Moslem, as in ithe appellation of Moor, in the Western Peninsula*”<sup>30</sup>. Ayat tersebut merupakan maklumat daripada pesaksi sezaman.

Dalam teks Adat Raja-raja Melayu dirakamkan penjelasan mengenai makna nama etnik Melayu yang sangat selaras dengan kefahaman istilah *Muslim*, iaitu manusia yang mengakui diri sebagai hamba Allah, iaitu: *who enslaves himself (dana nafsu)* kepada Allah SWT<sup>31</sup>; *insan yang rela sungguh mena’lukkan dirinya digelar Muslim*<sup>32</sup> yang patuh dan tunduk kepada Pencipta dan sentiasa beribadat kepada Allah SWT dan taat setia kepada Islam. Penjelasan tersebut adalah seperti berikut:

*Pasal pada menyatakan adapun arti Melayu itu, adalah ia Melayukan dirinya. Iaitu seperti yang diibaratkan orang dahulu kala daripada arti “Melayu”, adalah seupama pucuk kayu yang Melayukan dirinya, dan bukan layunya itu karena kena panas atau api. Bahwasanya dengan sahaja-sahaja ia jua yang Melayukan dirinya, yakni ia merendahkan dirinya dan tiada dia mau membesarkan dirinya, baik daripada adap makan-minumnya, dan perjalanannya dan kedudukannya. Sama ada di dalam majlis atau pada tempat yang lain. Maka daripada segenap perkara itu tiada diperbuatannya itu dengan mamang, melainkan adalah dengan perengainya yang lemah-lembut; tiada dengan berlebih-lebihan dan dengan kekurangan. ... Itulah arti Melayu yang dibahagikan orang dahulu-dahulu. (61:3 ARM ms.143)*

Analisis teks-teks Melayu lama bahawa idea patriotisme yang tersebar di dalam masyarakat Melayu pada kurun ke-18 – ke-19 berasaskan tamadun Islam dan berunsur idea persaudaraan semua orang Muslim.

## KESIMPULAN

Semua maklumat yang dirakamkan di atas menunjukkan bahawa sejak zaman dahulu kala orang Melayu menanggap diri sebagai orang Muslim yang merupakan sebahagian daripada ummat Islam. Sifat ke *Melayu* an mempunyai kaitan yang erat dengan Islam. Hal tersebut membuktikan bahawa orang Melayu mulai *menyedar diri* sebagai bangsa selepas kedatangan Islam. Bukan sebelumnya. Itu sebabnya konsep patriotisme orang Melayu mengandungi unsur-unsur persaudaraan dan toleransi yang merupakan asas pandangan alam Islam (*Islamic worldview*).

Ternyata kesedaran kebangsaan orang Melayu lebih bersifat dan berunsur *keagamaan* daripada *kebudayan*. Daripada sudut pandangan tersebut asal usul orang Melayu dan tamadun Melayu tidak patut dikaitkan dengan budaya-budaya prasejarah dan/ atau dengan adat-istiadat dan kepercayaan zaman kuno.

Analisis sumber-sumber sejarah Melayu Islam kurun ke-13 hingga ke-19 menunjukkan juga bahawa kekurangan pengetahuan mengenai agama dan sejarah kebangsaan semestinya mengakibatkan keruntuhan kesedaran kebangsaan dan penyebaran kekeliruan dalam pelbagai bidang rohani, termasuklah idea-idea ekstrem dan palsu. Ini sebabnya menurut prof. S.M.N. al-Attas ilmu sejarah (termasuklah sejarah kebangsaan) perlu diikhtirafkan masa kini sebagai *ilmu fardu ain untuk semua para cendekiawan dan orang yang berpendidikan*<sup>33</sup>.

<sup>1</sup> *Hikayat Raja Pasai* (HRP) adalah hikayat mengenai sejarah negara Pasai dan mencerminkan period yang terawal dalam historiografi Melayu Islam. Tarikh HRP belum ditentukan lagi. Walaupun di dalamnya tidak tercatat apa-apa tarikh, kita dapat menduga bahawa hikayat ini mencakup jangka waktu kira-kira dari tahun 1280 sampai 1400 Masihi atau kira-kira dari tahun 680 hingga 800 Hijrah. Versi yang lebih kurang telah tersusun dalam bentuk yang terakhir mungkin siap pada akhir abad yang ke 14. Salinan muncul di Jawa 1797. Terdapat tiga buah naskah. Yang paling terkenal - naskah MS Raffles Malay N. 67 yang tersimpan di The Royal Asiatic Society, London (Ms A), Yang kedua - ialah naskah yang disalin langsung daripada Ms A yang dilakukan oleh seorang sarjana Perancis, Edouard Dulaurier in 1838. tersimpan di Bibliotheque Nationale Paris, No Mal.-Pol.50. Naskah ini hampir tidak berguna untuk kerja perbandingan. Naskah yang ketiga - bari ditemui pada tahun 1986 di London, dan dibeli oleh British Library in 1986 (Ms B). Ada 6 edisi teks Hikayat Raja Pasai: 1/ Edouard Dulaurier. Collection des Principales Chroniques Malayes. premier fascicule La chronique du Royaume de pasey. Paris, 1849;; Edisi Jawi bermutu tinggi, malah mungkin lebih baik daripada edisi-edisi yang diterbitkan selepasnya. 2/ J.P. Mead. "A Romanised version of The Hikayat Raja-raja Pasai. JSBRAS, 66 Singapore. 1914 hlm 1-55; 3/ Dr.A.H. Hill "Hikayat Raja-Raja Pasai, a revised romanised version with an English translation, an introduction and notes. JMBRAS 33, Bhg 2, 1960. Edisi yang paling lengkap; 4/ Teuku Ibrahim Alfiah "Kronika Pasai. Sebuah Tinjauan Sejarah. Yogyakarta. 1973 5/ Russel Jones. Hikayat raja Pasai. KL 1987; 6/ Hikayat Raja Pasai. Dikaji dan diperkenalkan oleh Russel Jones. Yayasan karyawan&penerbit Fajar Bakti, KL, 1999..

<sup>2</sup> *Sejarah Melayu* adalah suatu karya Melayu yang paling terkenal. Di dalamnya terdapat hikayat mengenai sejarah Melaka kurun 15-16. Tarikh munculnya Sejarah Melayu itu belum ditentukan lagi, mahu pun juga nama pengarangnya masih belum jelas. Menurut pendapat beberapa ilmuwan karya tersebut dikarang oleh Bendahara Melaka Tun Seri Lanang . Terdapat 29 naskah dan tiga versi Sejarah Melayu: 1. Yang pertama lebih terkenal ialah gugusan yang pada mulanya diterbitkan oleh Abdullah Munshi di Singapura (1831) - gugusan "batu sawar" (Johor) Tarikh timbulnya kira-kira 1612. Versi ini mempunyai 34 bab dan diawali oleh sebuah mukaddimah yang menyatakan bahawa yang diminta menuliskan hikayat ini ialah Bendahara paduka Raja Tun Muhammad (Tun Seri Lanang). Inilah versi yang terbesar luas di Malaysia, Indonesia dan malah di seluruh dunia. Gugusan itu terdiri daripada puluhan salinan (St.peterburg, London, Manchester, Leiden, DBP); 2. terdapat suatu gugusan yang lagi yang belum dikenal luas. Teksnya belum diterbitkan dalam bentuk buku. Ada hanya

dua naskah. (versi yang tertua - sekitar 1536): a. Naskah pertama Naskah 18 Koleksi Raffles mengandungi teks penuh, terdapat di Royal Asiatic Society, London: b. Cod.Or. 1704 perpustakaan Universiti Leiden. tak lengkap. (100 halaman pertama); Versi itu mempunyai 8 bab yang tidak terdapat dalam versi yang pertama. Susunan babnya juga agak berlainan sedikit daripada susunan naskah gugusan pertama. Mukadimahnyanya lebih pendek. Nama pengarang tidak diturunkan. terdapat tarikh karya tsb ditulis pada tahun 1612. 3. versi Pasir Raja. Tarikhnya belum ditentukan. terdapat dalam naskah Raffles Malay 18 - 203 hlmn. 25 baris sehalaman (halaman pertama - 17), Dakwat hitam dan merah. Naskah salinan tidak bertarikh. kertas Inggeris. Ada cap air (C.Wilmott 1812). Naskah tsb di serahkan kepada RAS oleh isteri Raffles pada tahun 1830. Terdapat berbagai-bagai edisi teks tsb. Yang paling terkenal diantaranya: *Dulalaurier E.* (ed) *Collection des principales chronoques malayes.* t.1-2, P. 1849; *Shellaber W.G.* (ed) *Sejarah Melayu Kuala Lumpur.* 1967; *Situmorang D.T., Teeuw* (ed) *Sejarah Melayu menurut terbitan Abdullah.* Djakarta 1958; *Winstedt R.O.* (ed) *The Malay Annals or Sejarah Melayu.* - JMBRAS, 1938, vol. 16 p.3; *Brown C.C.* *Sejarah Melayu or Malay Annals. A translation of Raffles Ms. 18,* Kuala Lumpur 1968; *Blagden C.O.* *An Unpublished variant version of Malay Annals.* - JMBRAS, vol.III, p.1 (1925); *Iskandar T.* *Tun seri lanang pengarang Sejarah Melayu.* - Dewan Bahasa, 1964, jil.8 bill.11; *Roolvink R.* *The Versions of the Malay annals.* - BTVL, 1967, deel 123, afl 3. Kita menggunakan di dalam kajian ini edisi yang terakhir: *Sulalat al-Salatin, ya'ni Perteturun segala Raja-Raja (Sejarah Melayu).* *Karangan Tun Seri Lanang.* Dikaji da diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Yayasan karyawan&DBP, KL, 1997.

<sup>3</sup> Tarikh timbulnya *Hikayat Aceh* belum ditentukan tetapi semestinya teks ini dikarang antara 1606 - 1636 pada masa kerajaan Sultan Iskandar Muda. Terdapat beberapa naskah *Hikayat Aceh*. Antara lain yang digunakan dalam penerbitan T.Iskandar yang paling lengkap itu adalah: Cod Or. 1954 (naskah A) dan Cod.Or. 1983 (naskah B) daripada koleksi Legatum Warnerianum di Perpustakaan Universiti Leiden. yang pertama - Salinan daripada suatu naskah yang dari perpustakaan Isaak de saint Martin akhir kurun ke-17. Berasal dari kumpulan naskah Jawa, Melayu dll. yang kurang lebih pada tahun 1871 dipindahkan ke perpustakaan Universiti Leiden. Yang kedua adalah salinan daripada naskah pertama itu. Menurut kolofon tarikh timbulnya - 9.03. 1847. Lihat: *Hikayat Aceh.* Dikaji dan diperkenalkan oleh Teuku Iskandar. Yayasan Karyawan, KL, 2001, p. 117

<sup>4</sup> “*Peringatan Sejarah Negri Johor*” mewakili tradisi orang Melayu Johor. Kitab itu terjadi di pertengahan kurun ke-XVIII. Pengarangnya belum diketahui., Bentuknya adalah kumpulan dokumen-dokumen dan kisah-kisah yang mempersembahkan

kegiatan dan riwayat hidup Sultan Suleiman Badr al-Alam Shah (1699 – 1760). Masa ini terdapat 2 buah naskhah dari teks ini: (1) Naskhah KL 24B tersimpan dalam Perpustakaan Universiti Leiden, di dalam koleksi H.K. von Klingkert. Disalin di Riau pada tahun 1863 – 1866; (2) Naskhah Von de Wall 196. Tersimpan di Perpustakaan Lembaga Kebudayaan Indonesia di Jakarta sejak tahun 1873. Tersalin di antara tahun 1855 dan 1873. Kedua-duanya naskhah tsb. digunakan dalam edisi yang pertama yang disiapkan oleh E.U. Kratz pada tahun 1973. Nama buku itu yang dalam Bahasa Jerman - “Peringatan Sejarah Negri Johor - Eine malaische Quelle zur Geschichte Johors im 18. Jahrhundert”. Artinya: “Peringatan Sejarah Negri Johor – suatu sumber sejarah Melayu tentang Johor pada abad – ke-XVIII.

<sup>5</sup> Menurut kolofon dalam salah satu naskhahnya teks itu disurat atau dirawikan oleh Tengku Said pada tahun 1272 Hijrah atau pada tahun 1855 Masihi. Seluruh naratif “Hikayat Siak” menjangkau suatu periode sejarah yang panjang, mulai zaman sebelum kerajaan Melaka kurun ke-XV sampailah ke pertengahan abad ke-XIX. Pada masa ini terdapat empat buah naskhah dari teks “Hikayat Siak”: a/ naskah yang dianggap naskhah unggul tersimpan di Perpustakaan Muzium Pusat di Jakarta, kodenya W 191; M 1,44. Teksnya berhuruf Arab/Jawi, ciri fizikalnya jelas dan baik. Tersalin pada tahun 1856; b/naskhah yang lain tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London, dikodkan sebagai Mal. 138 diberikan judul *Sejarah Raja-raja Melayu*. Pernah dikatalogkan oleh M.C.Ricklefs dan P.Voorhoeve.; 3/ Dua buah naskhah lagi dari teks yang sama terdapat pula di Perpustakaan University Leiden (Universiteit Bibliothek). Kedua-duanya diberikan kod Cod.Or 6342 dan Cod. Or. 7304. Naskhah yang kedua terdapat di dalam ortografi tangan tulisan Jawi, sementara naskhah yang pertama, juga tulisan Jawi terdapat telah bertaip. Tersalin pada tahun 1893 di Aceh. Semua naskhah-naskhah pernah digunakan dalam edisi teks yang disiapkan oleh Encik Muhammad Yusoff Hashim: “Hikayat Siak. Dirawikan oleh Tengku Said.” Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1992.

<sup>6</sup> Dalam judul *Tuhfat an-Nafis* terdapat dua karya berjudul sama. Karya-karya ini dianggap oleh para ahli sebagai dua versi daripada satu karangan. Tentu saja, kedua-duanya terjadi dalam waktu yang hampir sama – pada pertengahan abad ke-19 dan di tempat yang sama – di Pulau Penyengat (Kepulauan Riau-Lingga). Kedua-duanya mewakili tradisi bangsa Bugis dalam historiografi Johor. Teks yang pendek (88 000 kata) dikarang oleh Raja Ahmad Bin Raja Haji (1779-1879), teks yang panjang (126 000 kata) dikarang oleh anaknya Raja Ali Haji Bin Raja Ahmad (1809 – 1872). Teks yang pendek terdapat dalam sebuah naskhah yang tersimpan dalam Perpustakaan Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde di Leiden. Naskhah ini adalah salinan yang dikerjakan di Pulau Penyengat pada tahun 1896. Ciri-ciri fizikal naskhah

ini baik sekali oleh kerana itupun, barangkali, naskhah ini menjadi naskhah induk untuk edisi Virginia Matheson tahun 1982. Teks yang panjang masa ini wujud dalam 5 naskhah: a/ Naskhah Maxwell 2MS, tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society di London. Naskhah ini adalah salinan yang dikerjakan di Selangor pada bulan Mac 1890 dilakukan untuk residen Selangor – Sir William Maxwell. Di dalamnya ada tambahan mengenai sejarah Riau setelah tahun 1865. Ciri-ciri fizikal kurang baik kalau dibandingkan dengan naskhah von Hasselt. Naskhah ini pernah digunakan dalam edisi R.O. Winstedt (1932) dan V. Matheson (1982); b/ Naskhah R.O. Winstedt dikerjakan (dalam bentuk litograf) pada tahun 1923 dari naskhah yang lebih lama. Bentuknya hampir sama dengan naskhah Maxwell. Berhuruf Jawi. Di dalamnya ada banyak kesalahan mekanik. Pernah digunakan di semua edisi “Tuhfat an-Nafis”; c/ Naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka. Tersimpan dalam Perpustakaan DBP Malaysia. Hampir sama dengan naskhah Maxwell tetapi ciri-ciri fizikalnya lebih baik. Pernah digunakan dalam

<sup>7</sup> I.C.Glover “Late Stone Age traditions in South-East Asia”, in: *Stargardt, Janice H.Hammond (ed.) The Extent and limitation of Indian Influence on the Protohistoric civilizations of the Malay Peninsula. South Asian Archaeology. Papers from the first International Conference of South Asian Archaeologist held in the University of Cambridge.* London, 1973, pp. 279-303.

<sup>8</sup> Tweedie, M.W.F. *Prehistoric Malaya*. Singapore:D.Moore, 1957, (first edition in 1907) p. 22.

<sup>9</sup> S.M.N. al-Attas. *Historical Fact and Fiction*. KL:CASIS UTM, 2011.

<sup>10</sup> Mengenai peranan Islam dalam sejarah dan tamadun Melayu lihat: S.M.N. al-Attas. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi:UKM, 1972.

<sup>11</sup> Maklumat yang lebih lengkap mengenai mitos yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam telah diterbitkan oleh pengarang dalam beberapa karangan sebelumnya. Lihat: Denisova T. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. KL:UMPRESS, 2011, pp. 15 – 56; Denisova, T. Islam dan Mitos mengenai asal usul raja-raja Melayu. In: *Adab dan peradaban. Karya pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. KL:MPH Publishing, 629 - 687.

<sup>12</sup> Kini terdapat 4 naskhah karya tersebut. Dua naskhah yang terbaik telah digunakan dalam penerbitan *Salasilah Kutai* yang disiapkan oleh seorang ilmuwan Belanda, iaitu C.A. Mees pada tahun 1935 di Santport. (Mees, C.A. *De Kroniek van Koetai*. Santpoort, 1935). Naskhah-naskhah tersebut tersimpan di Perpustakaan Negara Berlin (Schoemann V 2.). Dua naskhah yang lain ialah salinan daripada salah satu naskhah yang digunakan oleh C.A. Mees yang tersimpan di Museum Pusat Jakarta

(Collectie Br. 513). Tentang Salasilah Kutai, lihat: Drs. Liaw Yock Fang. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*, Singapura, 1975, hlm.261-264; V.I. Braginsky. “Yang Indah, Berfaedah dan Kamal”, dlm. *Sejarah Sastra Melayu dalam Abad 7 hingga 19*. Jakarta, 1998, hlm. 339-342).

<sup>13</sup> Mees, C.A. *De Kroniek van Koetai*. Santpoort, 1935, hlm.125-126.

<sup>14</sup> V.I. Braginsky. “Yang Indah, Berfaedah dan Kamal”, dlm. *Sejarah Sastra Melayu dalam Abad 7-19*. Jakarta, 1998. hlm. 341.

<sup>15</sup> Di sini dan seterusnya teks *Hikayat Raja Pasai* dipetik menurut penerbitan: *Hikayat Raja Pasai*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Russel Jones. Yayasan karyawan&penerbit Fajar Bakti, KL, 1999. Lihat juga site *Malay Concordance project* yang amat berguna dalam kajian teks-teks Melayu: <http://mcp.anu.edu.au/>

<sup>16</sup> Di sini dan seterusnya teks Hikayat Siak dipetik menurut penerbitan: Muhammad Yusoff Hashim: “*Hikayat Siak*”. *Dirawikan oleh Tengku Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.. 1992. Lihat juga site *Malay Concordance project* yang amat berguna dalam kajian teks-teks Melayu: <http://mcp.anu.edu.au/>

<sup>17</sup> Cerita itu diambil dari teks “Tuhfat an-Nafis” .Lihat: Matheson Hooker,V. «*Tuhfat al-Nafis*». *Sejarah Melayu-Islam*. Kuala-Lumpur: DBP, 1991, Winstedt R.O.. Malay Text of «Tuhfat al-Nafis».- in: JMBRAS, vol. 10, part. 2. 1932. Lihat juga site *Malay Concordance project* yang amat berguna dalam kajian teks-teks Melayu: <http://mcp.anu.edu.au/>

<sup>18</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam and Secularism*. KL: ISTAC, 1993, p. 44

<sup>19</sup> Untuk maklumat yang lebih lengkap mengenai konsep keadilan dan konsep kerajaan melayu silalihat: Denisova T. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. KL:UMPRESS, 2011, pp. 168- 212. Denisova T. 2007. *Konsep keadilan dalam historiografi Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19*. AFKAR: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam 8: 141-207.

<sup>20</sup> *al-Qur’an*, Surah 31 “*Luqman*” [17] Hai anakku, dirikanlah salat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah).

<sup>21</sup> Di sini dan seterusnya teks Tuhfat al-Nafis dipetik menurut penerbitan: *Matheson Hooker, V.* “Tuhfat al-Nafis”. Karangan Raja Ali Haji. Dikaji dan diperkenalkan oleh Virginia matheson Hooker. Yayasan Karyawan&DBP, Kuala-Lumpur, 1998. Lihat

juga site *Malay Concordance project* yang amat berguna dalam kajian teks-teks Melayu: <http://mcp.anu.edu.au/>

<sup>22</sup> Lihat: al-Nisa' (4):123; Yunus (10):44. Dipetik dari: *Syed Muhammad Naquib al-Attas*. *Islam and Secularism*. ...

<sup>23</sup> *Syed Muhammad Naquib al-Attas*. *Islam and Secularism*. ... p. 77-78

<sup>24</sup> Tentang gelaran-gelaran dan pangkat-pangkat di masyarakat Islam lihat antara lain: Atsamba, Farida. M. "Pangkat-Pangkat Dan Sistem Perbezaan Sosial Di Masyarakat Arab Islam Kurun VII sehingga ke-VIII" dlm: *Bulletin of Moscow State University*. "Oriental studies", Moscow, 2004, hlm. 12-19.

<sup>25</sup> Maklumat yang lebih lengkap mengenai konsep patriotism yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam telah diterbitkan oleh pengarang dalam buku sbb: Wan Mohd Nor Wan Daud, Denisova T., Khalif Muamar A. Harris. *Patriotisme dan ketatanegaraan*. KL:Akademi Kenegaraan BTN, Jabatan Perdana Menteri, CASIS UTM, 2015, pp. 15 – 56.

<sup>26</sup> Di sini dan seterusnya rujukan kepada *Misa Melayu* (MM) berasaskan penerbitan teks seperti berikut: Winstedt, R.O. *Misa Melayu Oleh Raja Chulan*. 1965, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur. Lihat juga site *Malay Concordance project* yang amat berguna dalam kajian teks-teks Melayu: <http://mcp.anu.edu.au/>

<sup>27</sup> Di sini dan seterusnya rujukan kepada *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) berasaskan penerbitan teks seperti berikut : Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, 1991, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Lihat juga site *Malay Concordance project* yang amat berguna dalam kajian teks-teks Melayu: <http://mcp.anu.edu.au/>

<sup>28</sup> Kata-kata keramat tersebut telah diukir pada arca Hang Tuah dan ia telah dipamerkan di Muzium Negara.

<sup>29</sup> Gallop, A. *Hang Tuah: the Malay Rollo or Rustam*. Post Annabel Teh Gallop, Lead Curator for Southeast Asian studies, British Library, London, Lihat: <http://britishlibrary.typepad.co.uk/asian-and-african/2013/09/hang-tuah-the-malay-rollo-or-rustam-1.html>

<sup>30</sup> Pritchard J.C. *Researches into the History of man*. Editing with an introductory essay by George W. Jr, Chicago, 1973, p. 299

<sup>31</sup> Menurut penjelasan Prof. S.M.N. al-Attas '*the expression enslaves himself (dana nafsu) means 'gives himself up' (in service) to Him*' (p. 48). *Man's purpose is*



*therefore is to know and to serve God (ibadah) and his duty is obedience (ta;ah) to God, which conforms with his essential nature created for him by God.* (p. 144)

Lihat: al-Attas, S.M.N. Prolegomena to the Methaphysics of Islam. An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam. 2014; UTM:KL.

<sup>32</sup> al-Attas, S.M.N. Risalah untuk kaum Muslimin. 2014, IBFIM:KL, ms. 36.

<sup>33</sup> Penjelasan tersebut diucapkan oleh Yang Mulia Tan Sri Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam kerangka seri syarahan beliau “CASIS-UTM Saturday Night lectures series 2014 YM Tan Sri Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas, 8.02 – 3.05. 2014. Lihat juga: Prof. Wan Mohd Nor Wan Daud The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization, 1998, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur, Pp. 507.